

## BAB TIGA

### KESAN FAKTOR SOSIO-EKONOMI TERHADAP FERTILITI

#### 3.1 PENGENALAN

Kajian lepas yang dijalankan di negara ini dan di negara-negara lain menunjukkan bahawa pola fertiliti adalah berbeza bagi kumpulan-kumpulan tertentu. Fertiliti sesuatu populasi adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor sosio-ekonomi seperti taraf pendidikan, pekerjaan, pendapatan, tempat tinggal dan lain-lain. Faktor-faktor sosio-ekonomi bertindak secara tidak langsung melalui pembolehubah perantaraan untuk mempengaruhi pola fertiliti. Bab ini adalah ditumpukan kepada analisis beberapa faktor sosio-ekonomi yang penting dalam menerangkan perbezaan fertiliti. Faktor-faktor yang dikaji adalah taraf pendidikan wanita dan pasangannya, pengalaman pekerjaan, jenis pekerjaan, status pekerjaan dan pendapatan bulanan suami.

##### 3.1.1 Corak Fertiliti Di Kalangan Wanita Cina

Umur wanita adalah berhubungan secara langsung dengan fertiliti seseorang wanita. Ini kerana umur wanita yang semakin meningkat bermakna mereka hampir melengkapkan tahap fertiliti mereka, manakala wanita yang masih muda berkemungkinan besar lebih cenderung melewatkannya dan menangguhkan kelahiran anak mereka.

Berdasarkan Jadual 3.1, wanita Cina di bandar yang berumur 18-29 tahun seramai 98.6 peratus mempunyai bilangan

JADUAL 3.1: TABURAN PERATUSAN WANITA CINA MENGIKUT PARITI DAN UMUR WANITA

	PARITI							JUMLAH	Min		
	0	1	2	3	4	5	6 & LEBIH				
<b>UMUR WANITA</b>											
<b>KESELURUHAN</b>											
18 - 29	16 (10.1)	39 (32.0)	40 (32.8)	16 (10.1)	7 (5.8)	2 (1.6)	2 (1.6)	122 (100.0)	1.8		
30 - 39	9 (4.2)	18 (8.4)	59 (27.4)	54 (25.1)	51 (23.7)	17 (7.9)	7 (3.3)	215 (100.0)	2.9		
40 - 49	3 (2.5)	6 (5.0)	21 (17.4)	21 (17.4)	30 (24.8)	13 (10.7)	27 (22.2)	121 (100.0)	4.1		
<b>BANDAR</b>											
18 - 29	6 (8.6)	28 (40.0)	25 (35.7)	10 (14.3)	1 (1.4)	0 (0.0)	0 (0.0)	70 (100.0)	1.6		
30 - 39	5 (3.8)	10 (7.6)	38 (28.8)	35 (26.5)	32 (24.2)	9 (6.8)	3 (2.3)	132 (100.0)	2.9		
40 - 49	3 (4.2)	6 (8.3)	17 (23.6)	17 (23.6)	10 (18.1)	4 (5.6)	12 (16.6)	72 (100.0)	3.5		
<b>LUAR BANDAR</b>											
18 - 29	10 (19.2)	11 (21.2)	15 (28.8)	6 (11.5)	6 (11.5)	2 (3.9)	2 (3.9)	52 (100.0)	2.0		
30 - 39	4 (4.8)	8 (9.6)	21 (25.3)	19 (22.9)	19 (22.9)	8 (9.6)	4 (4.9)	83 (100.0)	2.9		
40 - 49	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (8.2)	4 (8.2)	17 (34.7)	9 (18.4)	15 (30.5)	49 (100.0)	4.8		

( ) mewakili peratusan

Ujian- $\chi^2$  (antara umur wanita dan kelahiran hidup) signifikan pada 0.0000 (Keseluruhan)  
0.0000 (Bandar)  
0.0000 (Luar bandar)

kelahiran hidup tiga orang anak atau kurang berbanding dengan 80.7 peratus sahaja bagi wanita di luar bandar. Namun begitu, dalam kategori wanita berumur 30-39 tahun, sebanyak 66.7 peratus wanita di bandar yang mempunyai tiga orang anak atau kurang berbanding dengan 62.6 peratus di luar bandar. Bagi kategori wanita berumur 40-49 tahun, seramai 59.7 peratus wanita di bandar yang beranak tiga orang atau kurang. Hanya terdapat 16.4 peratus wanita di luar bandar yang berumur 40-49 tahun melahirkan tiga orang

anak atau kurang. Daripada penganalisisan di atas didapati bahawa wanita di luar bandar lebih cenderung kepada pariti yang lebih tinggi berbanding dengan wanita di bandar.

Perbezaan citarasa terhadap saiz keluarga yang diingini mengikut umur wanita menunjukkan bahawa semakin meningkatnya umur wanita semakin besar saiz keluarga yang diingini (lihat Jadual 3.2). Corak citarasa saiz keluarga sedemikian adalah berlawanan dengan apa yang terjadi pada faktor umur mula berkahwin, iaitu semakin lewat umur perkahwinan semakin kecil saiz keluarga yang diidamkan.

JADUAL 3.2: TABURAN PERATUSAN WANITA CINA MENGIKUT SAIZ KELUARGA YANG DIIDAMKAN DAN UMUR WANITA

		SAIZ KELUARGA YANG DIINGINI								
		0	1	2	3	4	5	6 & LEBIH	JUMLAH	Min
<b>UMUR WANITA</b>										
<b>KESELURUHAN</b>										
18 - 29		0	2	34	34	32	13	7	122	3.3
		(0.0)	(1.6)	(27.9)	(27.9)	(26.2)	(10.7)	(5.7)	(100.0)	
30 - 39		0	6	47	58	70	16	18	215	8.4
		(0.0)	(2.8)	(21.9)	(27.0)	(32.6)	(7.4)	(8.3)	(100.0)	
40 - 49		1	6	19	19	26	12	38	121	4.2
		(0.8)	(5.0)	(15.7)	(15.7)	(21.5)	(9.9)	(31.4)	(100.0)	
<b>BANDAR</b>										
18 - 29		0	2	25	22	14	5	2	70	3.0
		(0.0)	(2.9)	(35.7)	(31.4)	(20.0)	(7.1)	(2.9)	(100.0)	
30 - 39		0	2	34	36	42	7	11	132	3.3
		(0.0)	(1.5)	(25.8)	(27.3)	(31.8)	(5.3)	(8.3)	(100.0)	
40 - 49		1	6	16	15	11	3	20	72	3.6
		(1.4)	(8.3)	(22.2)	(20.8)	(15.3)	(4.2)	(27.8)	(100.0)	
<b>LUAR BANDAR</b>										
18 - 29		0	0	9	12	18	8	5	52	3.7
		(0.0)	(0.0)	(17.3)	(23.1)	(34.6)	(15.4)	(9.6)	(100.0)	
30 - 39		0	4	13	22	28	9	7	83	3.5
		(0.0)	(4.8)	(15.7)	(26.5)	(33.7)	(10.8)	(8.5)	(100.0)	
40 - 49		0	0	3	4	15	9	14	49	4.9
		(0.0)	(0.0)	(6.1)	(8.2)	(30.6)	(18.4)	(36.7)	(100.0)	

( ) mewakili peratusan

Wanita di bandar menunjukkan keinginan saiz keluarga yang lebih kecil bagi semua kohort umur berbanding dengan wanita yang tinggal di luar bandar. Lebih daripada 2/3 wanita di bandar yang berumur 18-29 tahun inginkan tiga orang anak atau kurang. Manakala di kalangan wanita di luar bandar hanya 40.4 peratus yang idamkan tiga orang anak atau kurang. Apabila umur wanita di bandar meningkat ke 30-39 tahun dan 40-49 tahun, seramai 54.6 peratus dan 52.7 peratus daripada mereka idamkan tiga orang anak atau kurang. Namun, kecenderungan keinginan saiz keluarga yang besar lebih ketara wujud di kalangan wanita di luar bandar. Kenyataan ini jelas apabila sebanyak 47.0 peratus dan hanya 14.3 peratus wanita yang berumur 30-39 tahun dan 40-49 tahun idamkan tiga orang anak atau kurang. Justeru itu, berdasarkan semua kategori umur wanita di luar bandar didapati bahawa mereka masih sukakan saiz keluarga yang lebih besar berbanding dengan wanita di bandar.

### 3.1.2 Perbandingan Corak Fertiliti Antara Kumpulan Etnik

Pada semua kohort umur, purata kelahiran hidup di kalangan wanita Melayu adalah lebih tinggi daripada wanita Cina sama ada di bandar ataupun di luar bandar (rujuk Jadual 3.3). Selain daripada itu, saiz keluarga yang diingini oleh wanita Melayu sama ada di bandar atau luar bandar adalah sentiasa melebihi wanita Cina.

Bagi kedua-dua kumpulan etnik Cina dan Melayu, wujud perbezaan yang amat ketara di antara saiz keluarga yang sebenar dengan yang diidamkan pada kohort umur sebelum 30

JADUAL 3.3: PURATA SAIZ KELUARGA SEDENAR DAN SAIZ KELUARGA DIINGINI MENGIKUT KUMPULAN ETNIK DAN UMUR WANITA

	BANDAR		LUAR BANDAR		JUMLAH	
	SAIZ SEBENAR	SAIZ DIINGINI	SAIZ SEBENAR	SAIZ DIINGINI	SAIZ SEBENAR	SAIZ DIINGINI
<b>UMUR WANITA</b>						
CINA						
18 - 29	1.6	3.0	2.0	3.7	1.8	3.3
30 - 39	2.9	3.3	2.9	3.5	2.9	3.4
40 & KE ATAS	3.5	3.6	4.8	4.9	4.1	4.2
Jumlah	2.7	3.3	3.2	3.9	2.9	3.6
MELAYU						
18 - 29	2.1	4.7	2.1	4.9	2.1	4.8
30 - 39	3.7	4.8	4.0	5.5	3.9	5.2
40 & KE ATAS	4.8	4.9	5.4	5.7	5.2	5.5
Jumlah	3.0	4.8	3.4	5.3	3.4	5.1

tahun. Selepas umur tersebut, perbezaannya adalah tidak begitu ketara malahan saiz keluarga sebenar dengan yang diidamkan hampir sama pada kohort umur 40 tahun dan ke atas. Perbezaan antara saiz keluarga sebenar dengan yang diidamkan adalah lebih ketara di kalangan wanita Melayu berbanding dengan wanita Cina. Pada kohort umur wanita Melayu 29 tahun dan ke bawah, perbezaannya adalah 2.7 berbanding dengan 1.3 dan 0.3 pada kohort umur 30-39 tahun dan 40 tahun dan ke atas. Di kalangan wanita Cina, perbezaannya adalah berubah daripada 1.5 ke 0.5 dan 0.1 pada kohort umur 29 tahun dan ke bawah, 30-39 tahun dan 40 tahun dan ke atas. Ini menunjukkan bahawa wanita Cina lebih cenderung untuk menyempurnakan kelahirannya pada kohort umur yang lebih awal berbanding dengan wanita Melayu yang lebih cenderung untuk melewatkhan atau menangguhkan kelahiran mereka.

### 3.2 PENDIDIKAN DAN FERTILITI

Pendidikan merupakan faktor utama dalam kajian fertiliti dan peralihan fertiliti dalam sesebuah masyarakat. Pendidikan merupakan penggerak pembangunan sosio-ekonomi dan faktor ini mempengaruhi persepsi dan gelagat fertiliti penduduknya (United Nations, 1987:215; Cheng, 1991:12). Walaupun pendidikan merupakan faktor yang paling signifikan dalam mempengaruhi fertiliti, ia tidak bertindak secara langsung. Sebaliknya pendidikan memberi kesan langsung ke atas angkubah-angkubah lain yang kemudiannya mempengaruhi penawaran dan permintaan serta kawalan fertiliti (Cochrane, 1979:7-9; 1983:587; Cheng, 1991:12; United Nations, 1987:215; Easterlin, 1983:569-570). Pertama, perkembangan dan pembangunan dalam pendidikan mempengaruhi umur mula berkahwin, peratusan dan kemungkinan berkahwin, serta mempertingkatkan taraf kesihatan seseorang. Peningkatan peluang pendidikan menyebabkan sebahagian wanita melanjutkan tempoh masa bersekolah. Tambahan pula pendidikan yang lebih tinggi membuka banyak peluang pekerjaan kepada wanita. Dengan itu, pendidikan cenderung mengurangkan potensi penawaran biologikal kelahiran kerana penangguhan umur mula berkahwin akan mengurangkan tempoh reproduktif wanita tersebut.

Namun, kesan pendidikan terhadap fertiliti tidaklah sentiasa negatif kerana pemberian dalam pemakanan dan kesihatan secara langsung dapat meningkatkan fekunditi seseorang. Jadi, kesan pendidikan boleh meningkat atau

mengurangkan potensi biologikal kelahiran hidup. Kesan bersihnya adalah bergantung pada kesan mana yang lebih kuat.

Kedua, kesan pendidikan secara langsung dapat mengubah sikap, nilai dan kepercayaan ke arah norma saiz keluarga yang kecil. Persepsi baru di kalangan sesetengah masyarakat menganggap pemeliharaan anak adalah secara relatif berkos tinggi dalam bentuk masa dan wang<sup>1</sup> (Tan dan Tey, 1992). Di samping itu, pendidikan juga berperanan mempengaruhi faktor-faktor ekonomi yang mengubah nilai-nilai individu terhadap saiz keluarga. Peningkatan pendidikan wanita mengurangkan utiliti ekonomi seseorang anak. Sebaliknya, anak-anak lebih memberi kepuasan kejiwaan kepada ibu bapa terutamanya di kalangan mereka yang menduduki kelas sosial yang lebih tinggi. Kos melepas masa seseorang wanita turut meningkat kerana masa penjagaan anak-anak mungkin menjadi penghalang kepada mereka untuk bekerja di luar rumah.

Menurut pendekatan Chicago-Columbia, anak-anak disifatkan sebagai "berintensif masa dalam pengeluaran isirumah" (Easterlin et al., 1980:116). Apabila pendidikan wanita meningkat, upah benarnya juga akan meningkat. Upah yang lebih tinggi akan mengakibatkan kos melepas penjagaan anak yang semakin tinggi. Walaupun pendidikan dapat meningkatkan pendapatan yang seharusnya menggalakkan permintaan anak yang lebih, tetapi "kesan pendapatan" yang positif ini lazimnya ditebusi oleh kesan negatif mengenai kos pemeliharaan anak, yang mendorongkan kepada kualiti anak dan bukan bilangan anak yang lebih ramai. Persepsi terhadap

kualiti anak yang semakin penting dapat diteliti dari kajian Tan dan Tey (1992). Kajian mereka menunjukkan bahawa kanak-kanak dari keluarga yang kecil berkecenderungan mencapai taraf pendidikan yang lebih tinggi berbanding dengan kanak-kanak dari keluarga yang besar. Sekatan ekonomi keluarga besar telah membatasi kanak-kanak meneruskan pendidikan. Sebaliknya, mereka terpaksa membantu keluarga dalam aktiviti ekonomi.

Caldwell pula menganggap pendidikan massa sebagai satu-satunya faktor yang mengubahkan amalan tradisional sesebuah keluarga dan kemudiannya menjanakan suatu corak persepsi fertiliti yang baru (Potter, 1983:644). Pendidikan akan mengubah fungsi dan nilai kanak-kanak iaitu dengan mengurangkan potensi kanak-kanak untuk bekerja di dalam dan di luar rumah. Ini seterusnya meningkatkan kos pemeliharaan kanak-kanak itu. Caldwell merumuskan tiga kesan ideologikal pendidikan seperti berikut:

- (i) Dengan peningkatan persekolahan, anak-anak masa kini lebih bergantung kepada ibu bapa berbanding dengan anak-anak masa dahulu;
- (ii) Persekolahan mempercepatkan perubahan budaya dan mewujudkan budaya baru dalam masyarakat berkenaan yang berorientasikan ekonomi kapitalis bertentangan dengan amalan pengeluaran domestik yang dikendalikan oleh tenaga buruh keluarga itu sendiri; dan
- (iii) Persekolahan merupakan mekanisme utama untuk mempropagandakan nilai-nilai mengenai kesihatan

reproduktif.

Pendidikan juga berjaya menyampaikan pandangan rasional berkenaan pembentukan keluarga dan meningkatkan kadar penerimaan kontraseptif, sama ada untuk menjarakkan atau menghadkan sesuatu kelahiran. Pendidikan juga merapatkan komunikasi antara suami dan isteri yang seterusnya menghasilkan pembuatan keputusan yang lebih demokratik antara pasangan berkenaan (Caldwell, 1978:570). Wanita yang berpendidikan dapat memperolehi pelbagai maklumat penting berkenaan kawalan fertiliti. Dengan demikian, kos masa untuk kawalan fertiliti dapat dijimatkan. Pendidikan adalah berkemampuan mengubahkan norma-norma budaya yang menentang penggunaan kawalan fertiliti. Justeru itu, pendidikan dapat mengubahkan kepercayaan tradisional yang kolot dan akhirnya menerap pendekatan penyelesaian masalah dalam kehidupan sesebuah keluarga (Easterlin, 1983:570).

Kesan negatif pendidikan terhadap fertiliti adalah lebih kuat di kalangan wanita berbanding dengan suami mereka. (Cochrane, 1979:8, 98; United Nations, 1987:216; Smith, 1983:502). Dengan terdapatnya peluang pekerjaan yang luas dan pendapatan yang tinggi, wanita yang berpendidikan telah meningkatkan kos melepas mereka jika mereka berhenti bekerja untuk menjaga anak. Masalah pengorbanan kos berkenaan tidak wujud di kalangan lelaki kerana tugas pengasuhan anak-anak memang menjadi peranan semula jadi wanita tanpa mengira tahap pencapaian pendidikannya.

Kesan pendidikan wanita adalah lebih penting dalam

mempengaruhi fertiliti berbanding dengan lelaki. Menurut United Nations (1983:216) ".... in most developing countries the contraceptive methods in widest use are 'female methods',.... the women who must know how to obtain and use these methods and willing to do so. Her own education .... be more important than that of her husband." Walaupun keputusan penggunaan kontraseptif biasanya merupakan keputusan bersama, tetapi kaedah-kaedah yang digunakan seperti pil, kaedah pemandulan dan alat dalam rahim adalah kaedah yang diamalkan oleh wanita sahaja. Dengan itu, penggunaan kaedah kontraseptif lebih bergantung kepada wanita berbanding dengan lelaki.

Tahap pembangunan ekonomi sesebuah negara akan secara langsung mempengaruhi taraf pendidikan dan pendapatan. Taraf pendidikan dan pendapatan yang tinggi pula mengurangkan utiliti anak atau sebaliknya meningkatkan disutiliti anak.

### 3.2.1 Analisis Kesan Pendidikan Terhadap Fertiliti Wanita Cina Di Malaysia

#### 3.2.1a Pola Pencapaian Pendidikan Wanita Cina


Data MFLS-II (1988) menunjukkan bahawa taraf pendidikan wanita Cina di bandar adalah lebih tinggi daripada mereka di luar bandar. Di bandar, hanya sebanyak 48.1 peratus wanita yang berpendidikan sekolah rendah dan ke bawah, tetapi terdapat 70.1 peratus wanita di luar bandar yang mempunyai taraf pendidikan yang sama. Sebaliknya sebanyak 28.3 peratus wanita di luar bandar dan 45.3 peratus wanita di

bandar menerima pendidikan sekolah menengah. Seramai 6.6 peratus sahaja wanita di bandar dan 1.6 peratus wanita di luar bandar telah menerima pendidikan pra-universiti dan ke atas (lihat Rajah 3.1). Perbezaan taraf pendidikan di bandar dan luar bandar juga dapat dilihat dari segi taraf pendidikan suami di bandar dan luar bandar (rujuk Rajah 3.2). Seramai 62.5 peratus suami di luar bandar berpendidikan sekolah rendah dan ke bawah, manakala hanya 44.3 peratus daripada suami di bandar berpendidikan pada tahap tersebut. Terdapat sebanyak 43.1 peratus suami di bandar dan 34.2 peratus suami di luar bandar bertaraf pendidikan sederhana. Seramai 11.7 peratus suami di bandar telah menerima pendidikan pra-universiti dan ke atas berbanding dengan hanya 3.3 peratus di luar bandar. Kehadiran ini menunjukkan pasangan suami isteri di bandar menerima pendidikan yang lebih tinggi. Taraf pendidikan yang lebih tinggi akan mempengaruhi tahap umur mula berkahwin dan kecenderungan mengurangkan fertiliti melalui penggunaan kaedah kontraseptif.


### 3.2.1b Kesan Pencapaian Pendidikan Terhadap Kelahiran Hidup

Oleh kerana saiz sampel wanita Cina adalah kecil, maka taraf pendidikan wanita dan pasangannya telah dikategorikan kepada 3 kumpulan dalam analisis selanjutnya. Dalam analisis univariat dan bivariat, taraf pendidikan dikategorikan kepada sekolah rendah dan ke bawah, dan sekolah menengah dan ke atas.

RAJAH 3.1: TABURAN TARAF PENDIDIKAN DI KALANGAN WANITA CINA



RAJAH 3.2: TABURAN TARAF PENDIDIKAN SUAMI DI KALANGAN WANITA CINA



Taraf pendidikan wanita berkorelasi secara negatif dengan bilangan anak yang dilahirkan (lihat Jadual 3.4). Wanita Cina yang tidak bersekolah melahirkan bilangan anak seramai 2.9 orang lebih daripada wanita yang berpendidikan tinggi. Perbezaan kelahiran hidup antara wanita tidak bersekolah dengan mereka yang berpendidikan tinggi dapat dilihat di kalangan wanita yang tinggal di kawasan bandar dan luar bandar. Wanita Cina yang tidak bersekolah dan menetap di bandar mempunyai 4.9 orang anak berbanding dengan 2.1 orang bagi wanita berpendidikan tinggi. Wanita di kawasan luar bandar yang tidak bersekolah secara purata mempunyai 2.9 orang anak lebih daripada wanita berpendidikan tinggi. Walau bagaimanapun, perbezaan purata kelahiran hidup menjadi kurang ketara apabila faktor-faktor seperti umur, umur mula berkahwin, taraf pendidikan suami dan faktor-faktor lain dipertimbangkan. Setelah pempiawaian faktor-faktor lain, perbezaan purata kelahiran hidup mengikut taraf pendidikan wanita Cina sama ada di bandar atau luar bandar adalah 1.4 dan 0.9 sahaja. Ini menunjukkan bahawa fungsi taraf pendidikan dalam mempengaruhi fertiliti wanita adalah secara tidak langsung. Taraf pendidikan wanita secara langsung mempengaruhi peluang pekerjaan wanita yang seterusnya melewatkkan umur mula berkahwin. Selain itu, peningkatan peluang pendidikan wanita juga bermakna pendedahan terhadap persepsi moden dan pengetahuan mengenai perancang keluarga semakin meningkat. Modernisasi pula merupakan satu-satunya mekanisme yang meningkatkan penerimaan perancang keluarga menuju ke arah norma saiz

keluarga yang kecil. Fenomena yang sama juga dapat dilihat daripada pengaruh taraf pendidikan suami terhadap fertiliti wanita Cina (lihat Jadual 3.4).

JADUAL 3.4: PURATA KELAHIRAN HIDUP DAN SAIZ KELUARGA YANG DIIDAMKAN OLEH WANITA CINA MENGIKUT TARAF PENDIDIKAN DAN TEMPAT TINGGAL, SEBELUM PENYESUAIAN DAN SELEPAS PENYESUAIAN<sup>\*</sup> DENGAN FAKTOR-FAKTOR LAIN

	BANDAR		LUAR BANDAR		KESELURUHAN				
	N	(a)	(b)	N	(a)	(b)	N	(a)	(b)
<u>PURATA KELAHIRAN HIDUP</u>									
Min Keseluruhan		2.7			3.2			2.9	
<u>TARAF PENDIDIKAN WANITA</u>									
TIDAK BERSEKOLAH	16	4.9	3.8	27	5.0	3.8	43	5.0	3.9
SEK. RENDAH	116	3.2	2.9	102	3.3	3.2	218	3.3	3.1
SEK. MENENGAH & KE ATAS	142	2.1	2.4	55	2.1	2.9	197	2.1	2.6
<u>TARAF PENDIDIKAN SUAMI</u>									
TIDAK BERSEKOLAH	32	3.0	2.4	32	3.8	3.1	64	3.4	2.7
SEK. RENDAH	92	3.4	3.1	83	3.6	3.4	175	3.5	3.2
SEK. MENENGAH & KE ATAS	150	2.2	2.6	69	2.4	3.1	219	2.3	2.8
<u>PURATA SAIZ KELUARGA YANG DIIDAMKAN</u>									
Min Keseluruhan		3.0			3.9			3.6	
<u>TARAF PENDIDIKAN WANITA</u>									
TIDAK BERSEKOLAH	16	5.1	4.5	27	5.3	4.8	43	5.2	4.7
SEK. RENDAH	116	3.6	3.5	102	4.0	4.0	218	3.8	3.7
SEK. MENENGAH & KE ATAS	142	2.9	3.0	55	3.2	3.5	197	3.0	3.2
<u>TARAF PENDIDIKAN SUAMI</u>									
TIDAK BERSEKOLAH	32	3.0	2.8	32	4.3	4.0	64	3.7	3.4
SEK. RENDAH	92	3.9	3.6	83	4.3	4.1	175	4.1	3.8
SEK. MENENGAH & KE ATAS	150	3.0	3.2	69	3.4	3.7	219	3.1	3.4

Nota: \* selepas penyesuaian dengan umur wanita, umur mula berkahwin dan taraf pendidikan suami, dengan menggunakan "multiple classification analysis".

N adalah bilangan kes

- (a) nilai sebelum penyesuaian
- (b) nilai selepas penyesuaian

Korelasi negatif antara fertiliti dan pendidikan juga dapat diteliti melalui taburan pariti kelahiran wanita dalam kategori pendidikan yang berbeza (rujuk Jadual 3.5). Bagi

kategori wanita yang berpendidikan rendah, seramai 55.3 peratus wanita di bandar melahirkan tiga orang anak atau kurang tetapi seramai 44.2 peratus wanita luar bandar melahirkan bilangan anak yang sama. Di kalangan wanita bandar yang berpendidikan tinggi seramai 89.4 peratus daripadanya melahirkan tiga orang anak atau kurang berbanding dengan 81.8 peratus di luar bandar.

JADUAL 3.5: TABURAN PERATUSAN WANITA CINA MENGIKUT PARITI DAN PENCAPAIAN PENDIDIKAN

	PARITI						JUMLAH	
	0	1	2	3	4	5	6 & KE ATAS	
<u>TARAF PENDIDIKAN WANITA</u>								
KESELURUHAN								
SEK. RENDAH & KE BAWAH	9	20	52	49	71	26	34	261
	(3.4)	(7.7)	(19.9)	(18.8)	(27.2)	(10.0)	(13.0)	(100.0)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	19	43	68	42	17	6	2	197
	(9.6)	(21.8)	(34.5)	(21.0)	(8.6)	(3.0)	(1.0)	(100.0)
BANDAR								
SEK. RENDAH & KE BAWAH	2	10	33	28	37	9	13	132
	(1.5)	(7.6)	(25.0)	(21.2)	(28.0)	(6.8)	(9.8)	(100.0)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	12	34	47	34	9	4	2	142
	(8.5)	(23.9)	(33.1)	(23.9)	(6.3)	(2.8)	(1.4)	(100.0)
LUAR BANDAR								
SEK. RENDAH & KE BAWAH	7	10	19	21	34	17	21	129
	(5.4)	(7.8)	(14.7)	(16.3)	(26.4)	(13.2)	(16.3)	(100.0)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	7	9	21	8	8	2	0	55
	(12.7)	(16.4)	(38.2)	(14.5)	(14.5)	(3.6)	(0.0)	(100.0)

( ) mewakili peratusan

Ujian-X<sup>2</sup> (antara taraf pendidikan wanita dan kelahiran hidup) signifikan pada 0.0000 (Keseluruhan)  
0.0000 (Bandar)  
0.0001 (Luar bandar)

Fertiliti bukan sahaja dipengaruhi oleh taraf pendidikan wanita tetapi ia juga dipengaruhi oleh taraf pendidikan suami. Walau bagaimanapun, banyak kajian telah membuktikan bahawa kesan negatif pendidikan wanita adalah

lebih kuat daripada kesan pendidikan suami terhadap pola fertiliti.

Jadual 3.6 menunjukkan kesan negatif taraf pendidikan (sama ada wanita berkenaan ataupun suami mereka) terhadap purata kelahiran hidup. Perbezaan purata kelahiran hidup antara wanita Cina di bandar yang berpendidikan rendah dengan berpendidikan tinggi adalah lebih ketara (iaitu 3.4 berbanding dengan 2.1) berbanding dengan 1.1 mengikut taraf pendidikan suami (iaitu 3.3 berbanding dengan 2.2). Ini bermakna bahawa kesan negatif pendidikan wanita di bandar adalah melebihi kesan negatif pendidikan suami terhadap fertiliti.

JADUAL 3.6: PURATA KELAHIRAN HIDUP BAGI WANITA CINA MENGIKUT PENDIDIKAN WANITA DAN SUAMI

	<u>TARAF PENDIDIKAN SUAMI</u>		JUMLAH	
	SEK. REN. & KE BAWAH	SEK. MENENGAH & KE ATAS		
<u>TARAF PENDIDIKAN WANITA</u>				
<u>KESELURUHAN</u>				
SEK. RENDAH & KE BAWAH	3.7 (186)	3.0 (75)	3.5 (261)	
SEK. MENENGAH & KE ATAS	2.5 (53)	2.0 (144)	2.1 (197)	
Jumlah	3.4 (239)	2.3 (219)	2.9 (458)	
<u>BANDAR</u>				
SEK. RENDAH & KE BAWAH	3.6 (90)	3.0 (42)	3.4 (132)	
SEK. MENENGAH & KE ATAS	2.6 (34)	1.9 (108)	2.1 (142)	
Jumlah	3.3 (124)	2.2 (150)	2.7 (274)	
<u>LUAR BANDAR</u>				
SEK. RENDAH & KE BAWAH	3.9 (96)	2.9 (33)	3.7 (129)	
SEK. MENENGAH & KE ATAS	2.3 (19)	2.0 (36)	2.1 (55)	
Jumlah	3.6 (115)	2.4 (69)	3.2 (184)	

( ) mewakili bilangan kes

Fenomena yang sama juga berlaku di luar bandar. Kesan pendidikan negatif wanita masih melebihi kesan pendidikan

negatif suami terhadap fertiliti. Peningkatan taraf pendidikan wanita daripada persekolahan rendah ke peringkat persekolahan menengah dan ke atas mengurangkan purata kelahiran hidup seramai 1.6 (iaitu daripada 3.7 jatuh ke 2.1). Perbezaan kelahiran hidup menurut pendidikan suami pula adalah 1.2 (iaitu dari 3.6 jatuh ke 2.4).

Antara pasangan suami-isteri yang bertaraf pendidikan yang sama di bandar, pasangan berpendidikan rendah melahirkan 3.6 orang anak berbanding dengan suami-isteri berpendidikan tinggi 1.9 orang anak. Di luar bandar, antara pasangan suami-isteri yang bertaraf pendidikan sama, pasangan yang berpendidikan rendah melahirkan bilangan anak yang paling ramai iaitu 3.9 berbanding dengan 2.0 bagi pasangan berpendidikan tinggi.

Dengan kombinasi pendidikan yang berlainan, pasangan di luar bandar dengan isteri berpendidikan rendah dan suami berpendidikan tinggi melahirkan bilangan anak 2.9 orang. Dengan kombinasi yang sebaliknya, iaitu isteri berpendidikan tinggi tetapi suami berpendidikan rendah pula melahirkan bilangan anak yang lebih kecil iaitu 2.3 orang. Kesan yang sama juga ditunjukkan di kalangan wanita di bandar. Bagi pasangan yang isteri berpendidikan rendah tetapi suami berpendidikan tinggi mempunyai bilangan anak 3.0 orang. Kombinasi yang sebaliknya dengan isteri berpendidikan tinggi tetapi suami berpendidikan rendah pula melahirkan bilangan anak 2.6 orang sahaja. Fenomena ini menunjukkan bahawa kesan pendidikan kaum Cina adalah selaras dengan hasil kajian Cochrane (1979), Smith (1983) dan United Nations

JADUAL 3.7: TABURAN PERATUSAN WANITA CINA MENGIKUT PARITI DAN PENCAPAIAN PENDIDIKAN SUAMI

	PARITI							
	0	1	2	3	4	5	6 & KE ATAS	JUMLAH
<b>TARAF PENDIDIKAN SUAMI</b>								
KESELURUHAN								
SEK. RENDAH & KE BAWAH	12	21	47	43	55	28	33	239
	(5.0)	(8.8)	(19.7)	(18.0)	(23.0)	(11.7)	(13.8)	(100.0)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	16	42	73	48	33	4	3	219
	(7.3)	(19.2)	(33.3)	(21.9)	(15.1)	(1.8)	(1.4)	(100.0)
BANDAR								
SEK. RENDAH & KE BAWAH	4	10	32	27	27	11	10	124
	(3.2)	(8.1)	(25.8)	(21.8)	(21.8)	(8.9)	(10.5)	(100.0)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	10	34	48	35	19	2	2	150
	(6.7)	(22.7)	(32.0)	(23.3)	(12.7)	(1.3)	(1.3)	(100.0)
LUAR BANDAR								
SEK. RENDAH & KE BAWAH	8	11	15	16	28	17	20	115
	(7.0)	(9.6)	(13.0)	(13.9)	(24.3)	(14.8)	(17.4)	(100.0)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	6	8	25	13	14	2	1	69
	(8.7)	(11.6)	(36.2)	(18.8)	(20.3)	(2.9)	(1.4)	(100.0)

( ) mewakili peratusan

(1987) yang merumuskan bahawa kesan pendidikan wanita terhadap fertiliti adalah lebih kuat daripada kesan pendidikan suami.

Kesan negatif pendidikan suami terhadap fertiliti juga dapat dilihat dari segi taburan pariti kelahiran bagi setiap kategori pendidikan suami yang berlainan. Daripada Jadual 3.5 dan Jadual 3.7, terdapat seramai 58.9 peratus wanita di bandar yang suaminya berpendidikan rendah melahirkan tiga atau kurang anak berbanding dengan 55.3 peratus apabila pendidikan wanita adalah rendah. Di luar bandar pula, seramai 43.5 peratus daripada suami berpendidikan rendah mempunyai saiz keluarga tiga orang anak atau kurang berbanding dengan 44.2 peratus wanita berpendidikan rendah bersaiz keluarga yang sama. Seramai 84.7 peratus keluarga

di bandar dan 75.3 peratus di luar bandar yang suaminya berpendidikan tinggi melahirkan tiga orang anak atau kurang. Jika dibandingkan dengan wanita berpendidikan tinggi, seramai 89.4 peratus wanita di bandar dan 81.8 peratus wanita di luar bandar yang melahirkan bilangan anak yang sama. Fenomena ini menunjukkan bahawa walaupun semakin tinggi pendidikan suami semakin kurang bilangan anaknya, tetapi kecenderungan kepada saiz keluarga yang kecil masih dianggap kurang kuat kesannya berbanding dengan pengaruh taraf pendidikan wanita.

### 3.2.1c Taraf Pendidikan Dan Saiz Keluarga Yang Diidamkan

Taraf pendidikan seseorang wanita mahupun lelaki (suami) bukan sahaja mempengaruhi fertiliti tetapi ia juga akan mempengaruhi idea terhadap saiz keluarga yang diidamkan. Keinginan saiz keluarga secara langsung juga dapat membayangkan perubahan citarasa wanita terhadap kadar fertiliti masing-masing.

Perbezaan saiz keluarga yang diidamkan mengikut taraf pendidikan wanita di bandar menunjukkan wanita yang tidak bersekolah mengidamkan 2.2 orang anak lebih daripada wanita yang berpendidikan tinggi (lihat Jadual 3.4). Sementara itu, wanita tidak bersekolah di kawasan luar bandar inginkan 2.1 orang anak lebih daripada wanita berpendidikan tinggi. Perbezaan ini menjadi kurang ketara apabila penyesuaian dilakukan terhadap faktor umur, umur mula berkahwin, taraf pendidikan suami dan faktor-faktor lain. Keadaan ini

menunjukkan bahawa faktor-faktor sosio-demografi lain juga mempengaruhi persepsi saiz keluarga yang diidamkan. Ini menjadikan perbezaan bilangan anak yang diidamkan di kalangan wanita yang tinggal di bandar dan luar bandar sama ada berpendidikan tinggi atau rendah adalah antara 1.3-1.5. Fenomena yang sama juga dapat diperhatikan daripada pengaruh faktor taraf pendidikan suami di kawasan luar bandar. Sebelum penyesuaian dilakukan, kesan taraf pendidikan suami terhadap saiz keluarga yang diidamkan adalah 0.9 tetapi selepas penyesuaian perbezaannya hanya 0.3.

Di bandar, purata saiz keluarga yang diidamkan di kalangan suami berpendidikan tinggi dan tidak bersekolah adalah sama iaitu 3.0. Golongan berpendidikan sekolah rendah merupakan golongan yang mengidamkan bilangan anak yang paling ramai, iaitu 3.9. Selepas penyesuaian, golongan suami berpendidikan sekolah rendah masih mengidamkan bilangan anak yang paling ramai, iaitu 3.6. Golongan tidak bersekolah pula mengidamkan bilangan anak yang paling kecil iaitu 2.8 berbanding dengan 3.2 bagi golongan berpendidikan sekolah menengah dan ke atas. Fenomena ini menandakan bahawa perbezaan saiz keluarga yang diidamkan mengikut taraf pendidikan suami juga dipengaruhi oleh struktur umur wanita dan umur mula berkahwin wanita.

Jadual 3.8 menunjukkan citarasa wanita Cina yang menginginkan saiz keluarga yang kecil semakin ketara apabila taraf pendidikan wanita atau suami meningkat. Kecenderungan ini adalah benar sama ada di bandar atau luar bandar. Di kalangan wanita Cina di bandar, purata saiz

keluarga yang diidamkan berbeza dari 3.8 kepada 2.8 apabila taraf pendidikan wanita meningkat dari berpendidikan sekolah rendah dan ke bawah kepada berpendidikan sekolah menengah dan ke atas. Sementara itu, purata saiz keluarga yang diidamkan berbeza dari 3.7 kepada 3.0 apabila taraf pendidikan suami meningkat dari berpendidikan rendah kepada berpendidikan tinggi.

JADUAL 3.8: PURATA SAIZ KELUARGA YANG DIINGINI OLEH WANITA CINA MENGIKUT TARAF PENDIDIKAN WANITA DAN SUAMI, DAN TEMPAT TINGGAL

	TARAF PENDIDIKAN SUAMI		
	SEK. REN. & KE BAWAH	SEK. MENENGAH & KE ATAS	JUMLAH
<b>TARAF PENDIDIKAN WANITA</b>			
KESELURUHAN			
SEK. RENDAH & KE BAWAH	4.2 (186)	3.6 (75)	4.0 (261)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	3.3 (53)	2.8 (144)	3.0 (197)
Jumlah	4.0 (239)	2.9 (219)	3.6 (458)
BANDAR			
SEK. RENDAH & KE BAWAH	3.9 (90)	3.6 (42)	3.8 (132)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	3.3 (34)	2.7 (108)	2.8 (142)
Jumlah	3.7 (124)	3.0 (150)	3.3 (274)
LUAR BANDAR			
SEK. RENDAH & KE BAWAH	4.5 (96)	3.5 (33)	4.3 (129)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	3.3 (19)	3.2 (36)	3.2 (55)
Jumlah	4.3 (115)	3.3 (69)	3.9 (184)

( ) mewakili bilangan kes

Di luar bandar, purata saiz keluarga yang diidamkan berbeza dari 4.3 kepada 3.2 apabila taraf pendidikan wanita meningkat dari berpendidikan rendah kepada berpendidikan tinggi. Taraf pendidikan suami yang berbeza dari pendidikan rendah ke pendidikan tinggi menunjukkan purata saiz keluarga yang diidamkan jatuh dari 4.3 kepada 3.3.


Jika diteliti melalui kesan gabungan taraf pendidikan

suami dan isteri, Jadual 3.8 menunjukkan pasangan suami-isteri berpendidikan sekolah rendah dan ke bawah di bandar mengidamkan saiz keluarga yang lebih besar (iaitu 3.9 orang) berbanding dengan pasangan yang berpendidikan sekolah menengah dan ke atas (2.7). Di kawasan luar bandar, pasangan suami-isteri berpendidikan rendah idamkan 4.5 orang anak sementara pasangan berpendidikan tinggi idamkan 3.2 orang anak.


### 3.2.1d Perbandingan Kesuburan Antara Kumpulan Etnik

Rajah 3.1, 3.2, 3.3 dan 3.4 menggambarkan taburan pendidikan kumpulan etnik Cina dan Melayu di bandar dan luar bandar. Seramai 9.4 peratus wanita Cina tidak bersekolah, 47.6 peratus berpendidikan sekolah rendah, 38.4 peratus berpendidikan sekolah menengah dan 4.6 peratus berpendidikan pra-universiti dan ke atas. Taburan taraf pendidikan suami di kalangan wanita Cina yang tidak bersekolah adalah 14.0 peratus. Taburan taraf pendidikan sekolah rendah dan menengah adalah hampir sama, iaitu 38.2 peratus berpendidikan sekolah rendah dan 39.5 peratus berpendidikan sekolah menengah. Seramai 8.3 peratus pula berpendidikan pra-universiti dan ke atas. Di kalangan wanita Melayu, taburannya adalah hampir sama rata antara berpendidikan rendah dan berpendidikan sekolah menengah, iaitu masing-masing sebanyak 41.0 peratus berbanding dengan 42.6 peratus. Taraf pencapaian pendidikan suami di kalangan kaum Melayu menunjukkan seramai 37.2 peratus berpendidikan

RAJAH 3.3: TABURAN TARAF PENDIDIKAN DI KALANGAN WANITA MELAYU



RAJAH 3.4: TABURAN TARAF PENDIDIKAN SUAMI DI KALANGAN WANITA MELAYU



sekolah rendah manakala seramai 45.9 peratus berpendidikan sekolah menengah.

Jadual 3.9 menunjukkan bahawa taraf pendidikan wanita mahupun suami adalah berhubung secara negatif dengan kelahiran hidup bagi semua kumpulan etnik. Namun kesan negatif pendidikan wanita terhadap fertiliti adalah lebih kuat berbanding dengan kesan pendidikan suami. Wanita Melayu berpendidikan tinggi mempunyai purata kelahiran 41.9 peratus kurang daripada yang berpendidikan rendah (iaitu 2.5 berbanding dengan 4.3). Perbezaan purata kelahiran hidup antara suami berpendidikan tinggi dengan berpendidikan rendah adalah 35.7 peratus (iaitu 2.7 berbanding dengan 4.2).

JADUAL 3.9: PURATA KELAHIRAN HIDUP MENGIKUT KUMPULAN ETNIK, TARAF PENDIDIKAN WANITA DAN SUAMI

<u>TARAF PENDIDIKAN WANITA</u>	<u>TARAF PENDIDIKAN SUAMI</u>		
	SEK. RENDAH & KE BAWAH	SEK. MENENGAH & KE ATAS	JUMLAH
<u>KESELURUHAN</u>			
SEK. RENDAH & KE BAWAH	4.2 (715)	3.2 (287)	3.9 (1002)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	2.7 (177)	2.2 (662)	2.3 (839)
Jumlah	3.9 (892)	2.5 (949)	3.2 (1841)
<u>CINA</u>			
SEK. RENDAH & KE BAWAH	3.7 (186)	3.0 (75)	3.5 (261)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	2.5 (53)	2.0 (144)	2.1 (197)
Jumlah	3.4 (239)	2.3 (219)	2.9 (458)
<u>MELAYU</u>			
SEK. RENDAH & KE BAWAH	4.5 (373)	3.7 (136)	4.3 (509)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	3.1 (92)	2.4 (391)	2.5 (483)
Jumlah	4.2 (465)	2.7 (527)	3.4 (992)
<u>KAUM LAIN</u>			
SEK. RENDAH & KE BAWAH	4.1 (156)	2.1 (76)	3.7 (232)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	2.6 (32)	2.1 (127)	2.2 (159)
Jumlah	3.9 (188)	2.3 (203)	3.1 (391)

( ) bilangan kes

Di kalangan wanita Cina pula, perbezaan fertiliti antara mereka berpendidikan tinggi dengan rendah adalah ketara. Wanita Cina di bandar yang berpendidikan tinggi mempunyai purata kelahiran 40.0 peratus kurang berbanding dengan wanita yang berpendidikan rendah. Perbezaan kelahiran hidup mengikut taraf pendidikan suami di kalangan wanita Cina adalah 32.3 peratus.

Purata kelahiran hidup bagi setiap kombinasi pendidikan suami-isteri menunjukkan bahawa kesan gabungan pendidikan bagi wanita adalah lebih kuat daripada pendidikan suami. Bagi wanita Melayu, pasangan dengan suami berpendidikan sekolah menengah dan ke atas tetapi isteri berpendidikan sekolah rendah dan ke bawah melahirkan 3.7 orang anak. Kombinasi pasangan dengan isteri berpendidikan sekolah menengah dan ke atas tetapi suami berpendidikan sekolah rendah dan ke bawah mempunyai 3.1 orang anak.

/ Fenomena yang sama juga wujud di kalangan wanita Cina. Wanita Cina yang berpendidikan sekolah menengah dan ke atas tetapi suami berpendidikan sekolah rendah dan ke bawah melahirkan 2.5 orang anak berbanding dengan pasangan isteri berpendidikan sekolah rendah dan ke bawah tetapi suami berpendidikan sekolah menengah dan ke atas melahirkan 3.0 orang anak.

Taraf pendidikan seseorang wanita juga memberi kesan negatif terhadap saiz keluarga yang diidamkan. Wanita Cina dan Melayu berkecenderungan mengidamkan saiz keluarga yang lebih kecil apabila taraf pendidikan meningkat (lihat Jadual 3.10). Perbezaan saiz keluarga yang diidamkan antara

JADUAL 3.10: PURATA SAIZ KELUARGA YANG DIINGINI MENGIKUT KUMPULAN ETNIK,  
TARAF PENDIDIKAN WANITA DAN SUAMI

	TARAF PENDIDIKAN SUAMI		
	SEK. RENDAH . & KE BAWAH	SEK. MENENGAH & KE ATAS	JUMLAH
<b>TARAF PENDIDIKAN WANITA</b>			
KESELURUHAN			
SEK. RENDAH & KE BAWAH	5.0 (715)	4.2 (287)	4.8 (1002)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	4.1 (177)	4.0 (662)	4.0 (839)
Jumlah	4.9 (892)	4.1 (949)	4.4 (1841)
CINA			
SEK. RENDAH & KE BAWAH	4.2 (186)	3.6 (75)	4.0 (261)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	3.3 (53)	2.8 (144)	3.0 (197)
Jumlah	4.0 (239)	2.9 (219)	3.6 (458)
MELAYU			
SEK. RENDAH & KE BAWAH	5.6 (373)	5.1 (136)	5.4 (509)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	5.0 (92)	4.8 (391)	4.8 (483)
Jumlah	5.5 (465)	4.9 (527)	5.1 (992)
KAUM LAIN			
SEK. RENDAH & KE BAWAH	4.8 (156)	3.5 (76)	4.2 (232)
SEK. MENENGAH & KE ATAS	3.5 (32)	3.1 (127)	3.2 (159)
Jumlah	4.5 (188)	3.2 (203)	3.7 (391)

( ) mewakili bilangan kes

berpendidikan rendah dengan berpendidikan tinggi di kalangan wanita Cina adalah lebih ketara berbanding dengan kaum Melayu. Kesan gabungan pendidikan suami-isteri di kalangan kaum Cina menunjukkan pasangan suami-isteri yang berpendidikan rendah mengidamkan saiz keluarga paling ramai iaitu 4.2 orang. Di kalangan kaum Melayu, pasangan suami-isteri berpendidikan rendah juga mengidamkan saiz keluarga paling ramai iaitu 5.6 orang. Sebaliknya, pasangan suami-isteri yang berpendidikan tinggi mengidamkan bilangan anak yang paling kecil. Pasangan Cina berpendidikan tinggi mengidamkan 2.8 orang anak, sementara pasangan Melayu mengidamkan 4.8 orang anak.

Pada keseluruhannya, bilangan kelahiran hidup dan saiz keluarga yang diidamkan oleh kaum Melayu adalah lebih ramai daripada kaum Cina bagi setiap kategori taraf pendidikan wanita dan suaminya.

### 3.3 PEKERJAAN DAN FERTILITI

Dalam masyarakat tradisional, terdapat dua peranan penting wanita iaitu dalam usaha produktif dan reproduktif. Sifat-sifat semula jadi seseorang wanita telah menghadkan peluang wanita melibatkan diri dalam pasaran buruh. Pekerjaan yang dibayar upah biasanya memerlukan masa kerja yang lebih panjang di luar rumah. Tugas seperti ini akan dilihat sebagai bertentangan dengan peranan semula jadi seseorang ibu. Sekiranya keadaan kewangan isirumah wanita itu adalah stabil, ini akan menjadikan sumbangan ekonominya adalah tidak penting. Keadaan ini secara tidak langsung telah mewujudkan suatu tradisi peranan wanita yang mengkhusus kepada tanggungjawab reproduktif manakala lelaki adalah dalam aktiviti ekonomi.

Dengan berlakunya perubahan ekonomi dan sosial yang pesat didapati bahawa peranan wanita turut berubah. Keadaan ini secara langsung telah meningkatkan permintaan dan penawaran buruh wanita. Peningkatan dalam pendidikan telah meningkatkan kemahiran dan kebolehan wanita. Di samping itu, hasil perkhidmatan program perancang keluarga telah membolehkan wanita menghad dan menjarakkan kelahiran. Ini memberi peluang kepada wanita untuk melibatkan diri dalam lapangan pekerjaan. Malah, penglibatan dalam pekerjaan yang dibayar upah dalam kebanyakan kes terutamanya di kalangan wanita muda merupakan alasan yang paling penting untuk membebaskan diri daripada menanggung peranan reproduktif di samping menikmati pulangan pendapatan wang (United Nations,

1986:29). Menurut Davis (1986:59), seseorang wanita terpaksa mengorbankan 1/5 daripada kehidupannya dalam pengasuhan anak-anak yang di bawah umur 7 tahun. Jadi ia telah menjadi suatu alasan utama bagi wanita bekerja untuk menghadkan bilangan kelahirannya. Lebih-lebih lagi sekiranya jumlah pendapatan suami adalah rendah dan tanggungan keluarga yang semakin meningkat akan mendesak dan memberi insentif kepada wanita berkenaan untuk terus bekerja selepas berkahwin mahupun selepas mempunyai anak.

Terdapat dua pendekatan untuk melihat perhubungan antara pekerjaan seseorang wanita dengan fertiliti, iaitu perspektif sosiologi dan ekonomi (United Nations, 1987:256). Perspektif sosiologi telah mengutarakan hipotesis tentang konflik peranan sebagai seorang ibu dan seorang pekerja. Perspektif ini menghujahkan bahawa semakin tinggi pertentangan peranan antara tanggungjawab sebagai seorang ibu dengan pekerja, maka semakin negatif korelasi antara penglibatan seseorang wanita dalam aktiviti ekonomi dan fertiliti (Uthoff dan Gonzalez, 1976:6; United Nations, 1987:256). Sekiranya struktur ekonomi dan sosial yang diamalkan sukar untuk menggabungkan kedua-dua peranan penjagaan anak dan pekerjaan, hubungan negatif antara fertiliti dan pekerjaan akan wujud. Sejauh mana darjah pertentangan peranan ini adalah bergantung kepada faktor-faktor ekonomi dan ciri-ciri sosio-budaya sesuatu masyarakat.<sup>2</sup>

Penglibatan pekerjaan seseorang wanita bukan sahaja akan mempengaruhi corak fertiliti tetapi bilangan kelahiran

wanita juga akan mempengaruhi penglibatan pekerjaannya. Semakin tinggi pertentangan peranan, maka keinginan meneruskan pekerjaan hanya dapat dilakukan dengan menurunkan kadar fertiliti. Sebaliknya jika wanita itu ingin memperolehi bilangan anak yang ramai, maka aktiviti ekonomi terpaksa ditangguhkan.

Perspektif ekonomi menganggapkan pertentangan peranan sebagai seorang ibu dan pekerja mengakibatkan kos melepas (opportunity cost) yang perlu ditanggungkan oleh wanita yang bekerja (United Nations, 1987:246; Uthoff dan Gonzalez, 1976:6; Standing<sup>3</sup>, 1983:532). Kos melepas ini adalah bergantung pada faktor-faktor seperti tahap kemahiran teknikal atau profesional wanita tersebut, peluang pekerjaan yang sedia ada, upah dan sumbangan pendapatan terhadap ekonomi keluarga. Justeru itu, semakin tinggi kos melepas semakin tinggi pula kemungkinan wanita untuk bekerja. Oleh itu sikap reproduktif wanita tersebut akan cenderung berorientasi saiz keluarga yang kecil.

Schultz (1986:103), Davis (1986:58-59) dan Cheng (1991:13-14) bersepakat bahawa status bekerja seseorang wanita dapat mempengaruhi persepsi nilai terhadap anak, rumah tangga, komuniti dan pembuatan keputusan pasangan suami-isteri terhadap fertiliti sebenar atau fertiliti yang diingini. Ini adalah berikut dari :

- (a) aliran modenisasi bukan sahaja meningkatkan penglibatan pekerjaan wanita berupah, ia juga mengubah persepsi dalam sesbuah rumah tangga. Corak hidup wanita bukan

lagi hanya untuk melahirkan dan membesarakan anak tetapi lebih mementingkan kehidupan yang berkualiti. Sehubungan ini, kemajuan teknologi telah mengurangkan masa menguruskan rumah tangga dan memberi insentif ekonomi yang kuat bagi seseorang wanita untuk mempraktiskan kemahiran mereka dalam pasaran tenaga buruh. Persepsi moden juga lebih cenderung membabitkan keputusan dan tanggungjawab bersama suami-isteri dalam urusan rumah tangga sama ada dari segi ekonomi maupun berkenaan anak-anak;

- (b) persepsi tradisional terhadap anak sebagai warisan dan sumber ekonomi serta anak sebagai lambang kebanggaan seseorang ibu telah menjadi semakin tipis di kalangan wanita bekerja dalam sektor formal berbanding dengan sektor tidak formal;
- (c) wanita dalam sektor formal biasanya berpendidikan lebih tinggi dan berkahwin pada umur yang lewat. Penangguhan umur mula berkahwin dianggap dapat memenuhi kepuasan dalam mengimbangi pekerjaan dengan ikatan urusan rumah tangga; dan
- (d) pekerjaan wanita dalam sektor formal lebih mudah untuk menerima program pengawalan kelahiran berbanding dengan wanita dalam sektor tidak formal. Dengan itu mereka lebih cenderung kepada menangguh, menghadkan dan menjarakkan kelahiran anak.

Uthoff dan Gonzalez (1976:48) dan Simmons (1985:81-82) pula bersepakat perhubungan antara struktur pekerjaan

dengan fertiliti berkaitan rapat dengan status sosio-ekonomi seseorang wanita. Wanita yang berpendidikan tinggi dan mempunyai status pekerjaan yang tinggi biasanya cenderung kepada saiz keluarga yang kecil. Manakala wanita yang berpendidikan rendah dan melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi tidak formal biasanya mempunyai bilangan anak yang ramai. Penglibatan diri mereka dalam pekerjaan tersebut adalah kerana desakan kewangan akibat saiz keluarga yang besar.

Umur wanita yang bekerja juga boleh mempengaruhi hubungan antara penglibatan gunatenaga wanita dengan fertiliti. Fenomena ini jelas dilihat dalam kes di Thailand (Goldstein et al., 1972:12). Bagi wanita yang berumur antara 13 hingga 29 tahun yang tidak bekerja mempunyai tahap fertiliti yang lebih tinggi berbanding dengan wanita yang bekerja. Ini adalah kerana wanita yang tidak bekerja berkahwin pada umur yang lebih muda dan dengan ini meningkatkan tempoh reproduktifnya. Tetapi apabila umur wanita meningkat, perbezaan ini semakin berkurangan hingga tahap fertiliti di kalangan wanita bekerja yang lebih tua (terutama melebihi 45 tahun) adalah lebih tinggi berbanding dengan seorang suri rumah tangga. Corak ini menunjukkan bahawa pada tempoh umur puncak kesuburan, penglibatan konflik antara wanita dalam gunatenaga dengan peranan reproduktif adalah lebih nyata berbanding dengan wanita yang lebih tua. Keadaan ini memberi gambaran bahawa:

(a) fertiliti longgokan yang lebih tinggi mendesak wanita untuk bekerja supaya dapat memberi sumbangan kepada

pendapatan isirumah. Dengan bantuan ini, ia membolehkan isirumah memenuhi permintaan penggunaan kerana saiz keluarga yang lebih besar itu; .

- (b) keluarga yang mempunyai anak yang berumur lebih tinggi memungkinkan kadar penglibatan gunatenaga wanita. Ini kerana anak-anak yang lebih besar dapat membantu dalam penjagaan adik-adik yang masih kecil; dan
- (c) bagi wanita yang berumur melebihi 45 tahun kebanyakannya telah tamat tempoh kemungkinan untuk terus hamil. Ini telah menjadi suatu kemudahan kepada mereka untuk bekerja di luar rumah kerana peranan reproduktifnya boleh dikatakan telah tamat.

Perbezaan fertiliti wanita bekerja juga wujud antara etnik Melayu, Cina dan India (Hamid Arshat et al., 1988:60). Wanita Cina yang bekerja sama ada sebelum dan selepas berkahwin ataupun bekerja selepas berkahwin sahaja cenderung kepada saiz keluarga yang kecil berbanding dengan etnik lain. Ini dapat dikaitkan dengan jenis pekerjaan yang dilakukan. Majoriti komuniti Cina adalah tertumpu di bandar atau pinggir bandar yang membuka peluang kepada wanita Cina untuk menawarkan tenaga buruh mereka dalam pasaran. Oleh sebab struktur pekerjaan dalam sektor moden adalah secara relatif tidak bersepadan dengan peranan reproduktif wanita, maka saiz keluarga yang besar akan dianggap sebagai bebanan kepada mereka. Survei Penduduk dan Keluarga Malaysia (MPFS) 1984/85 juga menunjukkan bahawa wanita yang bekerja selepas berkahwin mempunyai bilangan anak purata yang

paling ramai bagi ketiga-tiga kumpulan etnik dan juga di kalangan wanita yang lebih tua dalam sampel tersebut.<sup>4</sup> Fenomena ini menjelaskan bahawa wanita yang bekerja selepas berkahwin mempunyai anak yang telah besar ataupun anak-anak mereka telah berupaya mengambil alih tugas menjaga adik-adik yang lebih kecil. Namun kajian persampelan yang dikendalikan oleh Lim (1990:184-185) memberi keputusan yang tidak konsisten bagi wanita Melayu yang bekerja. Hubungan positif antara pekerjaan dengan sikap fertiliti wanita Melayu mungkin boleh disifatkan sebagai akibat daripada desakan ekonomi (kerana mempunyai bilangan anak yang ramai) yang menggalakkan mereka bekerja.

### 3.3.1 Analisis Kesan Pekerjaan Terhadap Fertiliti Wanita Cina Di Malaysia

#### 3.3.1a Pola Gunatenaga Wanita Cina

Penglibatan wanita dalam sektor ekonomi terutamanya telah didorongkan oleh taraf pendidikan masing-masing. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.11, kadar penglibatan wanita Cina dalam aktiviti ekonomi sebelum dan selepas berkahwin adalah paling tinggi di kalangan wanita berpendidikan pra-universiti dan ke atas. Lebih daripada 85 peratus wanita Cina berpendidikan pra-universiti dan ke atas pernah bekerja sebelum dan selepas berkahwin berbanding dengan 74.4 peratus bagi wanita berpendidikan sekolah menengah, 61.9 peratus di kalangan wanita berpendidikan sekolah rendah dan 65.1 peratus bagi wanita tidak bersekolah.

JADUAL 3.11: TABURAN PERATUSAN WANITA CINA MENGIKUT STATUS PEKERJAAN DAN TARAF PENDIDIKAN

	TARAF PENDIDIKAN WANITA				
	TIDAK BERSEKOLAH	SEK. RENDAH	SEK. MENENGAH	PRA-UNIVERSITI & KE ATAS	JUMLAH
<b>PENGALAMAN BEKERJA</b>					
TIDAK BEKERJA	32.6	46.3	43.2	9.5	42.0
SEDANG BEKERJA	67.4	53.7	56.8	90.5	57.9
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
<b>STATUS PENGALAMAN PEKERJAAN</b>					
- KERJA SEBELUM & SELEPAS BERKAHWIN	65.1	61.9	74.4	85.7	68.1
- KERJA SEBELUM BERKAHWIN	18.6	23.4	17.6	4.8	19.9
- KERJA SELEPAS BERKAHWIN	11.6	8.7	3.4	9.5	7.0
- TIDAK PERNAH BEKERJA	4.7	6.0	4.6	0.0	5.0
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
<b>JENIS PEKERJAAN</b>					
PROFESIONAL & PENTADBIRAN	0.0	0.0	4.5	38.1	3.5
PERKERANIAN	2.3	0.5	18.8	42.9	9.6
PENJUALAN & PERKHIDMATAN	18.6	22.9	21.6	9.5	21.4
PENGELUARAN & PERKILANGAN	16.3	18.4	9.1	0.0	13.8
PERTANIAN	30.2	11.9	2.8	0.0	9.6
TIDAK BEKERJA	32.6	46.3	43.2	9.5	42.1
Jumlah	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
N	40	218	176	21	458

Ujian-X<sup>2</sup> (antara taraf pendidikan wanita dan jenis pekerjaan) signifikan pada 0.0000 (Keseluruhan)  
 0.0000 (Bandar)  
 0.0000 (Luar Bandar)

Selain daripada itu, data Survei Kehidupan Keluarga Malaysia (MFLS-II), 1988 juga menunjukkan bahawa taraf pendidikan wanita bukan sahaja memberi kesan ke atas penglibatan seseorang wanita dalam tenaga buruh, malahan ia juga mempengaruhi jenis pekerjaan yang diceburui. Daripada Jadual 3.11, didapati bahawa 48.3 peratus wanita menceburkan diri dalam sektor moden (iaitu profesional dan pentadbiran, perkeranian, penjualan dan perkhidmatan, pengeluaran dan perkilangan) manakala 9.6 peratus dalam sektor pertanian dan 42.1 peratus wanita tidak bekerja.

Apabila taraf pendidikan wanita meningkat dari tidak bersekolah ke sekolah rendah dan sekolah menengah kadar penglibatan wanita dalam sektor moden juga meningkat. Kadarnya meningkat dari 37.2 peratus (bagi tidak bersekolah) ke 41.8 peratus (bagi berpendidikan sekolah rendah) dan 54.0 peratus (bagi berpendidikan sekolah menengah). Ujian- $\chi^2$  antara taraf pendidikan wanita dengan jenis pekerjaan adalah signifikan pada paras keertian 0.01 bagi bandar dan luar bandar. Ini menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang kuat antara taraf pendidikan dengan jenis pekerjaan yang diceburi.

### 3.3.1b Kesan Pengalaman Pekerjaan Wanita Terhadap Kelahiran Hidup

Pekerjaan seseorang wanita mungkin memberi kesan terhadap fertilitinya dan sebaliknya fertiliti seseorang wanita juga mungkin mempengaruhi kecenderungannya untuk bekerja. Purata kelahiran hidup di kalangan wanita bandar yang berkahwin 10 tahun dan ke bawah dan sedang bekerja adalah 1.6 orang berbanding dengan 2.0 orang bagi wanita yang tidak bekerja (lihat Jadual 3.12). Keadaan ini menggambarkan bahawa pada awal perkahwinan dengan kelahiran anak-anak mungkin menjadi penghalang kepada penglibatan wanita dalam aktiviti ekonomi. Jadi wujudnya "trade-off" antara fertiliti dengan pekerjaan wanita. Saiz keluarga yang kecil membenarkan mereka aktif dalam kerjaya kerana bebanan pengasuhan anak-anak mungkin lebih ringan berbanding dengan saiz keluarga yang besar.

Sebaliknya wanita yang tidak bekerja mempunyai saiz keluarga yang lebih besar kerana kesediaadaan masa bagi mereka mengendalikan urusan rumah tangga.

JADUAL 3.12: PURATA KELAHIRAN HIDUP DI KALANGAN WANITA CINA MENGIKUT TEMPOH PERKAHWINAN, STATUS PEKERJAAN DAN TEMPAT TINGGAL .

	TEMPOH PERKAHWINAN 10 TAHUN & KE BAWAH		TEMPOH PERKAHWINAN MELEBIHI 10 TAHUN	
	SEDANG BEKERJA	TIDAK BEKERJA	SEDANG BEKERJA	TIDAK BEKERJA
<b>TEMPAT TINGGAL</b>				
BANDAR	1.6 (70)	2.0 (53)	3.5 (84)	3.5 (67)
LUAR BANDAR	2.0 (42)	2.0 (49)	4.4 (69)	4.5 (24)
KESELURUHAN	1.8 (112)	2.0 (102)	3.9 (153)	3.8 (91)

( ) mewakili bilangan kes

Fertiliti di kalangan wanita bandar yang bekerja dan tidak bekerja adalah sama bagi mereka berkahwin melebihi 10 tahun, iaitu 3.5 orang anak. Fenomena ini terjadi disebabkan oleh tempoh perkahwinan yang lebih lama, bermakna anak-anak yang dilahirkan berkemungkinan telah besar menjadikan tugas penjagaan anak kurang berintensif masa berbanding dengan anak-anak kecil. Tambahan lagi, anak-anak yang lebih besar mungkin menjadi suatu sumber tenaga untuk membantu dalam penjagaan adik-adik mereka. Berdasarkan keadaan ini, memang tidak menghairankan bahawa wanita yang bekerja mempunyai bilangan anak purata yang sama dengan wanita yang tidak bekerja pada tempoh perkahwinan yang panjang.

Di luar bandar pula, purata kelahiran bagi wanita yang bekerja dan tidak bekerja sama ada bagi tempoh perkahwinan 10 tahun dan ke bawah atau melebihi 10 tahun adalah hampir sama (lihat Jadual 3.12). Walau bagaimanapun, purata kalahiran bagi mereka yang telah berkahwin melebihi 10 tahun

tetap lebih tinggi berbanding dengan mereka yang berkahwin kurang daripada 10 tahun. Ini kerana wanita-wanita lebih cenderung menangguhkan dan menjarakkan kelahiran mereka pada awal perkahwinan. Selepas perkahwinan melebihi 10 tahun, umur wanita tersebut telah meningkat dan telah melalui kemuncak kesuburannya mungkin telah menyempurnakan proses reproduktif mereka. Jenis dan status pekerjaan wanita di luar bandar lebih bercorak tidak formal merangsangkan pola fertiliti yang sama antara wanita yang bekerja dengan yang tidak bekerja.

/

### 3.3.1c Pengaruh Status Dan Jenis Pekerjaan Terhadap Fertiliti Wanita Cina

Jadual 3.13 menunjukkan korelasi antara jenis dan status pekerjaan dengan fertiliti. Wanita yang menceburi sektor moden melahirkan purata anak yang kurang berbanding dengan mereka yang bekerja dalam sektor tradisional. Purata kelahiran hidup dalam sektor moden adalah 2.6 berbanding dengan 4.7 dalam sektor tradisional. Antara bidang sektor moden, termasuklah profesional dan pentadbiran (purata anak yang dilahirkan paling rendah iaitu 1.5) diikuti oleh bidang perkeranian (1.9), sektor perkilangan (2.9), penjualan (3.0) dan sektor pertanian (4.7). Pola fertiliti yang sama juga wujud di kawasan bandar dan luar bandar. Kecenderungan kepada saiz keluarga yang kecil dalam bidang profesional mungkin kerana kerja ini memerlukan kemahiran dan taraf pendidikan yang tinggi kerana ia menawarkan ganjaran dan potensi kerjaya yang lebih cerah. Dengan demikian, untuk

menempatkan diri dalam kerjaya yang lebih cemerlang maka seseorang wanita itu seharusnya mengorbankan tugas reproduktifnya. Dengan mempunyai saiz keluarga yang kecil, tanggungjawab dan peranan sebagai seorang ibu dapat dikurangkan.

JADUAL 3.13: PURATA KELAHIRAN HIDUP DI KALANGAN WANITA CINA MENGIKUT JENIS PEKERJAAN, STATUS PEKERJAAN DAN TEMPAT TINGGAL

	BANDAR	LUAR BANDAR	KESLURUHAN
<b>JENIS PEKERJAAN</b>			
PROFESIONAL & PENTADBIRAN	1.4 (14)	† (2)	1.5 (16)
PERKERANIAN	1.8 (33)	2.2 (11)	1.9 (44)
PENJUALAN & PERKHIDMATAN	2.9 (66)	3.4 (32)	3.0 (98)
PENGELUARAN & PERKILANGAN	2.8 (34)	3.1 (29)	2.9 (63)
PERTANIAN	† (7)	4.4 (37)	4.7 (44)
TIDAK BEKERJA	2.8 (120)	2.9 (73)	2.8 (193)
Jumlah	2.7 (274)	3.5 (184)	2.9 (458)
<b>STATUS PEKERJAAN</b>			
PEKERJA BERGAJI	2.3 (83)	3.0 (49)	2.6 (132)
KERJA SENDIRI	2.6 (42)	3.8 (31)	3.1 (73)
PEKERJA KELUARGA (TANPA GAJI)	3.4 (29)	4.0 (31)	3.7 (60)
TIDAK BEKERJA	2.8 (120)	2.9 (73)	2.8 (193)
Jumlah	2.7 (274)	3.5 (184)	2.9 (458)

( ) mewakili bilangan kes

\* min tidak diambil kira kerana bilangan kes kurang daripada 10.

Antara status pekerjaan yang disenaraikan dalam Jadual 3.13, pekerja keluarga boleh dikatakan paling rendah pertentangan antara peranan sebagai ibu dengan pekerja. Demikian juga bagi status kerja sendiri mempunyai masa kerja yang amat fleksible untuk membolehkan wanita tersebut bekerja dan pada masa yang sama mengendalikan urusan rumah tangga. Selain itu, mereka memperolehi bantuan pengasuhan anak-anak daripada anggota keluarga mereka. Walaupun wanita tersebut bekerja tetapi tugas penjagaan anak-anak mereka

tidak terjejas. Status pekerjaan sedemikian secara tidak langsung dapat mengurangkan kos melepas dan seterusnya memberi peluang kepada mereka untuk melahirkan bilangan anak yang lebih ramai. Pekerja keluarga melahirkan 3.7 orang anak dan wanita bekerja sendiri melahirkan 3.1 orang anak. Sebaliknya status perkerjaan bergaji yang memerlukan wanita bekerja di luar rumah dan masa kerja adalah tetap. Status pekerjaan bergaji ini melibatkan pertentangan peranan sebagai ibu dan pekerja yang tinggi. Bilangan kelahiran anak yang kecil dapat mengurangkan kos melepas wanita. Ini menjadikan mereka melahirkan bilangan anak yang paling kecil iaitu 2.6 sahaja. Pola fertiliti yang sama juga ditunjukkan di kawasan bandar dan luar bandar.

Jadual 3.14 menunjukkan wanita di bandar yang hanya bekerja selepas berkahwin melahirkan bilangan anak yang paling ramai (3.3) berbanding dengan wanita yang bekerja sebelum dan selepas berkahwin mempunyai bilangan anak yang paling kecil (2.6). Selepas penyesuaian dengan faktor-faktor umur, umur mula berkahwin dan taraf pendidikan wanita menjadikan perbezaan bilangan kelahiran antara kedua-dua golongan wanita ini jatuh dari 0.7 kepada 0.4 sahaja. Di luar bandar, wanita Cina yang bekerja sebelum berkahwin sahaja mempunyai bilangan anak yang paling kecil (2.7) manakala wanita bekerja sebelum dan selepas berkahwin melahirkan bilangan anak yang paling ramai (3.4). Setelah mengawal faktor-faktor sosio-demografi, fertiliti antara kedua-dua golongan wanita adalah hampir sama. Fenomena ini menggambarkan bahawa umur, umur mula berkahwin dan taraf

JADUAL 3.14: PURATA KELAHIRAN HIDUP DI KALANGAN WANITA CINA MENGIKUT TEMPAT TINGGAL DAN GUNATENAGA WANITA, SEBELUM PENYESUAIAN DAN SELEPAS PENYESUAIAN<sup>\*</sup> DENGAN FAKTOR-FAKTOR LAIN

	BANDAR		LUAR BANDAR		KESELURUHAN				
	N	(a)	(b)	N	(a)	(b)	N	(a)	(b)
Min Keseluruhan	2.7		3.2		2.9				
<b>PENGALAMAN PEKERJAAN</b>									
- KERJA SEBELUM & SELEPAS BERKAHWIN	184	2.6	2.7	128	3.4	3.3	312	2.9	3.0
- KERJA SEBELUM BERKAHWIN	54	2.8	2.9	37	2.7	3.4	91	2.8	3.1
- KERJA SELEPAS BERKAHWIN	23	3.0	2.3	9	3.3	2.1	32	3.3	2.3
- TIDAK PERNAH BEKERJA	13	3.1	2.5	10	3.3	2.8	23	3.2	2.6
<b>JENIS PEKERJAAN</b>									
PROFESIONAL & PENTADBIRAN	14	1.4	1.8	2	2.0	3.4	16	1.5	2.0
PERKERANIAN	33	1.8	2.3	11	2.2	2.7	44	1.9	2.4
PENJUALAN & PERKHIDMATAN	66	2.9	2.6	32	3.4	3.1	98	3.0	2.8
PENGELUARAN & PERKILANGAN	34	2.8	2.9	29	3.1	3.0	63	2.9	2.9
PERTANIAN	7	6.1	4.5	37	4.4	3.7	44	4.7	3.8
TIDAK BEKERJA	120	2.8	2.9	73	2.8	3.2	193	2.8	3.0
<b>STATUS PEKERJAAN</b>									
PEKERJA BERGAJI	83	2.4	2.4	49	3.0	3.1	132	2.6	2.7
KERJA SENDIRI	42	2.7	2.5	31	3.7	3.3	73	3.1	2.8
PEKERJA KELUARGA (TANPA GAJI)	29	3.4	3.3	31	4.0	3.4	60	3.8	3.4
TIDAK DEKERJA	120	2.8	2.9	73	2.8	3.2	193	2.8	3.0

\* SELEPAS PENYESUAIAN DENGAN FAKTOR-FAKTOR UMUR WANITA, UMUR MULA BERKAHWIN DAN TARAF PENDIDIKAN WANITA; DENGAN MENGGUNAKAN "MULTIPLE CLASSIFICATION ANALYSIS".

N adalah bilangan kes

(a) nilai sebelum penyesuaian

(b) nilai selepas penyesuaian

pendidikan merupakan faktor utama mempengaruhi corak fertiliti wanita di bandar dan luar bandar mengikut pengalaman pekerjaan. Selepas penyesuaian, wanita di bandar yang hanya bekerja selepas berkahwin mempunyai bilangan anak yang paling kecil, iaitu 2.3 orang sahaja. Ini menunjukkan bahawa wanita tersebut adalah berpendidikan rendah dan berkahwin pada umur yang muda. Status ekonomi keluarga yang miskin memaksa mereka bekerja selepas berkahwin. Sebaliknya di luar bandar, wanita yang hanya bekerja sebelum berkahwin

menjadi golongan yang melahirkan bilangan anak yang paling ramai selepas penyesuaian, iaitu 3.4 orang anak. Keadaan ini menandakan wanita bekerja sebelum berkahwin sahaja merupakan golongan yang berpendidikan tinggi dan berkahwin lebih lewat.

Dari segi jenis pekerjaan, mereka yang bekerja sebagai profesional memerlukan kemahiran dan taraf pendidikan yang tinggi. Wanita yang mencebur pekerjaan ini sama ada di bandar atau luar bandar melahirkan bilangan anak yang paling kecil. Sektor pertanian pula merupakan bidang kerja yang mempunyai bilangan anak yang paling ramai. Perbezaan fertiliti antara wanita dalam pekerjaan profesional dengan pekerjaan pertanian adalah 4.7 di bandar dan 1.8 di luar bandar. Apabila faktor-faktor sosio-demografi dikawal perbezaan fertiliti telah jatuh ke 2.7 di bandar dan 0.3 di luar bandar. Ini menunjukkan kepentingan faktor taraf pendidikan wanita yang semakin tinggi dalam melewatkannya umur mula berkahwin yang seterusnya mengurangkan kesan jenis pekerjaan terhadap fertiliti terutamanya di luar bandar. Oleh kerana kemudahan penerimaan maklumat dan perkhidmatan perancang keluarga dalam sektor moden di luar bandar, ia telah memberi kesan terhadap fertiliti. Ini mengakibatkan masih terdapat sedikit perbezaan fertiliti antara pekerjaan profesional dan pekerjaan pertanian walaupun selepas penyesuaian.

Corak fertiliti mengikut status pekerjaan wanita menunjukkan bahawa antara wanita yang bekerja di bandar, pekerja bergaji melahirkan bilangan anak yang paling kecil

(2.4) berbanding dengan pekerja sendiri 2.7 dan pekerja keluarga 3.4. Sementara di luar bandar, wanita bekerja bergaji melahirkan 3.0 orang anak berbanding dengan 3.7 bagi bekerja sendiri dan 4.0 bagi pekerja keluarga. Selepas penyesuaian dengan faktor-faktor sosio-demografi, purata kelahiran di bandar mengikut status pekerjaan adalah hampir sama seperti sebelum penyesuaian. Ini menggambarkan status pekerjaan memberi kesan yang ketara terhadap corak fertiliti. Sementara itu, di kalangan wanita Cina di luar bandar penyesuaian dengan faktor-faktor sosio-demografi telah mengurangkan perbezaan kelahiran antara pekerja bergaji, bekerja sendiri dan pekerja keluarga. Ini menggambarkan bahawa faktor taraf pendidikan dan umur mula berkahwin lebih mempengaruhi fertiliti seseorang wanita di kawasan luar bandar berbanding dengan bandar.

### 3.3.1d Gunatanaga Wanita Dan Pengasuhan Kanak-kanak

Dengan perkembangan ekonomi dan peningkatan peluang pendidikan, wanita kini lebih cenderung mencebur ke lapangan kerjaya yang lebih mencabar. Peranan tradisional wanita yang mengkhusus dalam tanggungjawab reproduktif kini telah berubah kepada peranan dual. Kini wanita bukan sahaja mengekalkan peranan tradisional tetapi pada masa yang sama menjadi sumber tenaga buruh yang aktif dalam aktiviti ekonomi. Ini menjadikan sumbangan kewangan mereka dalam tanggungjawab menyara hidup seisi keluarga semakin penting. Sungguhpun aliran modenisasi telah sedikit sebanyak mengubah


sikap seseorang suami ke arah perkongsian tanggungjawab dalam urusan rumah tangga tetapi sumbangan suami masih dianggap marginal sahaja. Supaya wanita bekerja tidak menghadapi pertentangan peranan yang kuat sebagai ibu dan sebagai pekerja, wanita tersebut terpaksa mencari sumber bantuan untuk mengambil alih tanggungjawabnya dalam asuhan anak-anak kecil. Dengan adanya bantuan ini membolehkan mereka terus aktif dalam sektor produktif.

Rajah 3.5 menunjukkan jenis sumber pembantu utama menjaga anak bagi wanita yang sedang bekerja dan tidak bekerja. Bagi wanita yang bekerja, seramai 76.5 peratus memerlukan pembantu dalam menjaga anak-anak kecil. Antara pembantu yang digunakan seramai 37.9 peratus mendapatkan bantuan daripada ibu bapa. Bagi wanita yang tidak bekerja, seramai 55.9 peratus yang menjalankan tanggungjawab pengasuhan anak-anak dengan sendiri. Bagi wanita tidak bekerja yang mempunyai pembantu, seramai 19.7 peratus mendapatkan bantuan ibu bapa. Fenomena ini menunjukkan bahawa di masyarakat Cina, bantuan ibu bapa dalam penjagaan anak-anak kecil adalah amat dihargai. Bantuan ibu bapa bukan sahaja dapat menjalinkan perhubungan yang bahagia dan mesra antara ketiga-tiga generasi, malahan ia dapat mewujudkan suatu masyarakat penyayang dan bertanggungjawab yang amat dialu-alukan oleh masyarakat tempatan.

Terdapat juga perbezaan sumber bantuan yang digunakan bagi wanita bekerja dengan status pekerjaan yang berlainan. Bagi pekerja bergaji, sumber bantuan terutamanya adalah ibu bapa. Daripada Rajah 3.6a seramai 53.3 peratus wanita

**RAJAH 3.5: TABURAN JENIS PEMBANTU MENJAGA ANAK MENGIKUT PENGALAMAN BEKERJA**

---




mendapatkan bantuan dari ibu bapa. Alternatif sumber bantuan lain yang penting adalah saudara mara. Sumber-sumber bantuan lain yang digunakan adalah seperti jiran, orang lain dalam rumah, orang gaji, dan pusat asuhan kanak-kanak. Bagi wanita yang bekerja sendiri, pekerja keluarga dan tidak bekerja pada kebiasaan mereka tidak mempunyai pembantu (rujuk Rajah 3.6a dan 3.6b). Lebih kurang 29.4 peratus wanita bekerja sendiri, 42.1 peratus pekerja keluarga, dan 55.9 peratus tidak bekerja menjalankan segala tanggungjawab urusan pengasuhan anak dengan usahanya sendiri. Kebanyakan wanita tersebut tidak memerlukan pembantu dalam pengasuhan anak-anak kerana struktur pekerjaan mereka yang agak bebas dan fleksible membenarkan mereka memainkan peranan sebagai seorang ibu dan pekerja pada masa yang sama. Bagi seorang pekerja bergaji di mana masa kerja dan bidang kerjanya telah ditetapkan, peranan sebagai ibu adalah bertentangan dengan pekerjaannya. Untuk membenarkan mereka terus membabitkan diri dalam kerjayanya maka sumber-sumber bantuan lain adalah amat diperlukan. Bebanan kerja juga tidak memungkinkan seseorang wanita itu menanggung tanggungjawab pengasuhan anak-anak dengan sendiri tanpa pembantu.

### 3.3.1e Gunatenaga Wanita Dan Saiz Keluarga Yang Diidamkan

Jadual 3.15 menunjukkan bahawa wanita Cina di bandar yang hanya bekerja sebelum berkahwin sahaja mengidamkan bilangan anak yang paling ramai, iaitu 3.6. Ini diikuti oleh wanita yang hanya bekerja selepas berkahwin mengidamkan 3.5 orang


**RAJAH 3.6A: TABURAN JENIS PEMBANTU MENJAGA ANAK MENGIKUT STATUS PEKERJAAN**

---



RAJAH 3.6B: TABURAN JENIS PEMBANTU MENJAGA ANAK MENGIKUT STATUS PEKERJAAN

---



JADUAL 3.15: PURATA SAIZ KELUARGA YANG DIIDAMKAN OLEH WANITA CINA MENGIKUT TEMPAT TINGGAL DAN GUNATENAGA WANITA, SEBELUM PENYESUAIAN DAN SELEPAS PENYESUAIAN\* DENGAN FAKTOR-FAKTOR LAIN

	BANDAR		LUAR BANDAR		KESELURUHAN	
	N	(a)	N	(a)	N	(a)
Min Keseluruhan	3.3		3.9		3.6	
<b>PENGALAMAN PEKERJAAN</b>						
- KERJA SEBELUM & SELEPAS BERKAHWIN	184	3.2	3.3	3.4	3.9	3.5
- KERJA SEBELUM BERKAHWIN	54	3.6	3.6	3.2	3.6	3.7
- KERJA SELEPAS BERKAHWIN	23	3.5	2.8	2.6	2.3	3.4
- TIDAK PERNAH BEKERJA	13	3.2	2.8	3.4	2.9	3.5
<b>JENIS PEKERJAAN</b>						
PROFESIONAL & PENTADBIRAN	14	2.8	3.0	3.0	3.8	2.8
PERKERANIAN	33	2.6	2.9	2.9	3.3	2.6
PENJUALAN & PERKHIDMATAN	66	3.4	3.2	3.7	3.7	3.5
PENGELUARAN & PERKILANGAN	34	3.1	3.2	3.7	3.7	3.4
PERTANIAN	7	6.5	5.6	5.0	4.5	5.2
TIDAK BEKERJA	120	3.4	3.4	3.8	4.0	3.6
<b>STATUS PEKERJAAN</b>						
PEKERJA BERGAJI	83	3.1	3.1	3.9	3.9	3.4
KERJA SENDIRI	42	2.8	2.9	4.0	3.9	3.4
PEKERJA KELUARGA (TANPA GAJI)	29	4.0	3.9	4.3	3.9	4.1
TIDAK BEKERJA	120	3.4	3.4	3.8	4.0	3.6

\* SELEPAS PENYESUAIAN DENGAN FAKTOR-FAKTOR UMUR WANITA, UMUR MULA BERKAHWIN DAN TARAF PENDIDIKAN WANITA; DENGAN MENGGUNAKAN "MULTIPLE CLASSIFICATION ANALYSIS".

N adalah bilangan kes

(a) nilai sebelum penyesuaian

(b) nilai selepas penyesuaian

anak. Wanita Cina yang tidak pernah bekerja menginginkan bilangan anak yang sama dengan golongan wanita bekerja sebelum dan selepas berkahwin, iaitu 3.2 orang anak.

Perbezaan saiz keluarga yang diidamkan antara wanita yang bekerja sebelum dan selepas berkahwin berbanding dengan wanita hanya bekerja sebelum berkahwin adalah 0.4. Perbezaan ini menurun kepada 0.3 selepas penyesuaian dengan faktor-faktor umur, umur mula berkahwin dan taraf pendidikan wanita. Purata kelahiran yang diingini oleh wanita yang hanya bekerja sebelum berkahwin tidak berubah selepas

penyesuaian. Purata kelahiran yang diingini bagi wanita yang bekerja sebelum dan selepas berkahwin meningkat kepada 3.3. Sementara itu, purata saiz keluarga yang diidamkan oleh wanita bekerja selepas berkahwin menurun dengan ketara dari 3.5 kepada 2.8 selepas penyesuaian. Penyesuaian dengan faktor-faktor sosio-demografi memberi kesan yang ketara terhadap wanita bekerja selepas berkahwin dan wanita yang tidak pernah bekerja..

Keadaan yang berlainan berlaku di kawasan luar bandar. Wanita yang tidak pernah bekerja dan wanita bekerja sebelum dan selepas berkahwin mengidamkan bilangan anak yang paling ramai iaitu 3.4 berbanding dengan wanita yang hanya bekerja selepas berkahwin inginkan bilangan anak yang paling kecil iaitu 2.6. Namun selepas penyesuaian dengan faktor-faktor sosio-demografi, mengurangkan perbezaan dalam purata saiz keluarga yang diingini oleh wanita tidak pernah bekerja dan wanita bekerja selepas berkahwin. Wanita bekerja sebelum dan selepas berkahwin serta wanita yang hanya bekerja sebelum berkahwin mengalami peningkatan saiz keluarga yang diidamkan selepas penyesuaian. Keadaan ini menunjukkan bahawa golongan wanita ini berpendidikan lebih tinggi dan berkahwin lebih lewat. Selepas penyesuaian, wanita bekerja sebelum dan selepas berkahwin masih merupakan golongan yang mengidamkan bilangan anak yang paling ramai, iaitu 3.9 orang. Mereka terpaksa terus bekerja supaya membolehkan mereka menanggung bilangan anak yang ramai seperti yang diidamkan.

Jika ditinjau dari aspek jenis pekerjaan yang diceburi

oleh wanita, didapati bahawa wanita yang bekerja dalam sektor formal mengidamkan bilangan anak yang lebih kecil. Antaranya ialah pekerjaan perkeranian yang mengidamkan bilangan anak yang paling kecil iaitu 2.6 bagi wanita di bandar dan 2.9 bagi wanita di kawasan luar bandar. Sebaliknya wanita yang bekerja dalam sektor tidak formal (iaitu sektor pertanian) mengidamkan bilangan anak yang paling ramai. Wanita-wanita di bandar yang bekerja dalam sektor pertanian mengidamkan 6.5 orang anak manakala wanita di luar bandar inginkan 5.0 orang anak.

Apabila mengambil kira faktor-faktor sosio-demografi, bilangan anak yang diingini oleh mereka yang sebagai kerani di bandar meningkat ke 2.9 sedangkan wanita dalam sektor pertanian mengalami kejatuhan saiz keluarga yang diidamkan dari 6.5 ke 5.6. Fenomena yang sama berlaku di luar bandar, iaitu bagi pekerjaan perkeranian saiz keluarga yang diidamkan meningkat ke 3.3 sementara golongan yang terlibat dalam pertanian menurun ke 4.5. Perubahan ini menjadikan perbezaan saiz keluarga yang diidamkan antara golongan kerani dengan petani menurun dengan ketara. Di bandar perbezaanya menurun daripada 2.9 kepada 2.7 manakala di luar bandar ia menurun daripada 2.1 kepada 1.2. Fenomena ini mungkin menggambarkan bahawa perubahan saiz keluarga yang diingini bukanlah dipengaruhi oleh jenis pekerjaan wanita semata-matanya tetapi ia lebih dipengaruhi oleh faktor-faktor sosio-demografi seperti umur, umur mula berkahwin, taraf pendidikan wanita dan lain-lain.

Dari segi status pekerjaan wanita, wanita di bandar

yang bekerja sendiri menginginkan bilangan anak yang paling kecil iaitu seramai 2.8, manakala pekerja keluarga inginkan bilangan anak yang paling ramai (4.0). Di kawasan luar bandar, pekerja bergaji inginkan bilangan anak yang paling kecil (3.9) manakala pekerja keluarga mengidamkan saiz keluarga yang paling besar (4.3). Selepas penyesuaian dengan faktor-faktor sosio-demografi, perbezaan saiz keluarga yang diidamkan oleh wanita di bandar mengikut status pekerjaan adalah kecil berbanding dengan sebelum penyesuaian. Di kawasan luar bandar, selepas penyesuaian tiada perbezaan saiz keluarga yang diidamkan oleh wanita mengikut status pekerjaan, iaitu lebih kurang 3.9 orang anak. Fenomena ini menandakan bahawa status pekerjaan wanita bukanlah faktor tunggal mempengaruhi saiz keluarga yang diidamkan tetapi kesannya terhadap bilangan anak yang diidamkan yang melalui faktor-faktor sosio-demografi seperti umur, umur mula berkahwin, taraf pendidikan wanita dan lain-lain adalah lebih berpengaruh.

### 3.3.1f Perbezaan Fertiliti Mengikut Kumpulan Etnik Dan Gunatenaga Wanita

Secara keseluruhannya, wanita yang bekerja selepas berkahwin sahaja mempunyai purata kelahiran anak yang paling besar, iaitu 4.3 (rujuk Jadual 3.16). Ini diikuti oleh wanita yang tidak pernah bekerja (iaitu 3.4) dan wanita yang bekerja sebelum dan selepas berkahwin (iaitu 3.0). Wanita yang hanya bekerja sebelum berkahwin pula melahirkan bilangan anak yang

JADUAL 3.16: PURATA KELAHIRAN HIDUP MENGIKUT KUMPULAN ETNIK DAN GUNATENAGA WANITA, SEBELUM PENYESUAIAN DAN SELEPAS PENYESUAIAN<sup>\*</sup> DENGAN FAKTOR-FAKTOR LAIN

	KESELURUHAN <sup>†‡</sup>			CINA			MELAYU		
	N	(a)	(b)	N	(a)	(b)	N	(a)	(b)
Min Keseluruhan		3.2			2.9			3.4	
<b>PENGALAMAN PEKERJAAN</b>									
- KERJA SEBELUM & SELEPAS BERKAHWIN	897	3.0	3.2	312	2.9	3.0	412	3.2	3.3
- KERJA SEBELUM BERKAHWIN	352	2.6	3.4	91	2.8	3.1	199	2.7	3.5
- KERJA SELEPAS BERKAHWIN	331	4.3	3.1	32	3.3	2.3	210	4.5	3.3
- TIDAK PERNAH BEKERJA	261	3.4	3.2	23	3.2	2.6	171	3.5	3.5
<b>JENIS PEKERJAAN</b>									
PROFESIONAL & PENTADBIRAN	100	2.2	2.6	16	1.5	2.1	67	2.4	3.2
PERKERANIAN	119	2.0	2.4	44	1.9	2.5	58	2.2	3.1
PENJUALAN & PERKHIDMATAN	261	3.4	2.6	98	3.0	2.8	118	3.7	3.2
PENGELUARAN & PERKILANGAN	159	3.0	2.8	63	2.9	2.9	66	3.2	3.3
PERTANIAN	310	4.2	2.9	44	4.7	3.7	176	4.3	3.3
TIDAK BEKERJA	892	3.1	3.8	193	2.8	3.0	507	3.3	3.6
<b>STATUS PEKERJAAN</b>									
PEKERJA BERGAJI	527	2.9	3.5	132	2.6	2.7	230	2.8	3.1
KERJA SENDIRI	233	3.6	3.6	73	3.1	2.8	139	3.9	3.3
PEKERJA KELUARGA (TANPA GAJI)	189	4.1	3.9	60	3.8	3.3	116	4.5	3.6
TIDAK BEKERJA	892	3.1	2.8	193	2.8	3.0	507	3.3	3.6

\* SELEPAS PENYESUAIAN DENGAN FAKTOR-FAKTOR UMUR WANITA, UMUR MULA BERKAHWIN, TARAF PENDIDIKAN WANITA DAN TEMPAT TINGGAL DENGAN MENGGUNAKAN "MULTIPLE CLASSIFICATION ANALYSIS".

† termasuk kaum Cina, Melayu dan kaum lain.

N adalah bilangan kes

(a) nilai sebelum penyesuaian

(b) nilai selepas penyesuaian

paling kecil. Dengan mengambil kira faktor-faktor seperti tempat tinggal, taraf pendidikan wanita, umur wanita dan umur mula berkahwin, perbezaan kelahiran hidup antara kategori pengalaman pekerjaan wanita menjadi kurang ketara. Perbezaan kelahiran hidup antara wanita hanya bekerja sebelum berkahwin dengan wanita yang hanya bekerja selepas berkahwin menurun daripada 1.7 kepada 0.3. Selepas penyesuaian dengan faktor-faktor sosio-demografi didapati purata kelahiran wanita yang hanya bekerja selepas berkahwin

jatuh kepada 3.1 orang anak. Ini menjadikan golongan wanita tersebut selepas penyesuaian merupakan golongan yang melahirkan anak yang paling kecil. Keadaan ini boleh dikatakan wanita tersebut cenderung berkahwin pada umur yang lebih muda dan mereka berpeluang bekerja kerana anak-anak yang telah besar. Kemungkinan juga golongan wanita tersebut merupakan golongan yang berpendidikan rendah dan terpaksa keluar bekerja apabila didesak oleh status ekonomi keluarga yang sulit. Kemudahan penglibatan dalam sektor tidak formal mungkin merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi corak fertiliti tersebut.

Di kalangan wanita Cina pula, wanita yang hanya bekerja selepas berkahwin melahirkan bilangan anak yang paling ramai iaitu 3.3. Sementara itu, wanita yang hanya bekerja sebelum berkahwin pula melahirkan bilangan anak yang paling kecil iaitu 2.8. Selepas penyesuaian, perbezaan kelahiran antara kedua-dua golongan wanita meningkat daripada 0.5 kepada 0.8. Golongan wanita bekerja sebelum berkahwin sahaja pula melahirkan bilangan anak yang paling ramai, iaitu 3.1 berbanding dengan wanita hanya bekerja selepas berkahwin melahirkan bilangan anak yang paling kecil. Ini menunjukkan corak fertiliti wanita Cina telah dipengaruhi oleh faktor-faktor sosio-demografi yang dikawal.

Di kalangan wanita Melayu, mereka yang bekerja selepas berkahwin sahaja mempunyai kelahiran bilangan anak yang paling ramai, manakala wanita yang bekerja sebelum berkahwin mempunyai purata kelahiran anak yang paling kecil. Selepas mengambil kira faktor-faktor sosio-demografi, perbezaan

fertiliti wanita hampir dihapuskan. ini menjadikan fertiliti wanita adalah antara 3.3 dan 3.5 sahaja. Keadaan ini menunjukkan bahawa kesan umur, umur mula berkahwin dan taraf pendidikan wanita berperanan kuat dalam mempengaruhi corak fertiliti kaum Melayu.

Dari segi saiz keluarga yang diidamkan, wanita yang bekerja selepas berkahwin mengidamkan bilangan anak yang paling ramai, iaitu 5.1 (rujuk Jadual 3.17). Sebaliknya wanita yang bekerja sebelum dan selepas berkahwin mengidamkan bilangan anak yang paling kecil, iaitu 4.2. Selepas penyesuaian, perbezaan saiz keluarga yang diidamkan oleh keseluruhan sampel mengikut pengalaman pekerjaan adalah amat kecil. Kecenderungan yang sama berlaku di kalangan wanita Melayu. Iaitu selepas penyesuaian, ia telah menghilangkan perbezaan saiz keluarga yang diidamkan antara keempat-empat kategori wanita. Sebaliknya di kalangan wanita Cina, faktor-faktor sosio-demografi tersebut meningkatkan perbezaan saiz keluarga yang diingini. Jadi boleh dirumuskan bahawa faktor-faktor umur, umur mula berkahwin dan taraf pendidikan lebih memberi kesan terhadap saiz keluarga yang diingini oleh wanita Melayu. Namun, saiz keluarga yang diidamkan oleh wanita Cina dipengaruhi oleh pendedahan kepada modenisasi dan norma-norma saiz keluarga kecil di kalangan berpendidikan tinggi di bandar.

Wanita yang bekerja dalam bidang profesional merupakan antara wanita Cina yang paling kecil bilangan kelahirannya. Di kalangan wanita Melayu, wanita yang bekerja dalam bidang

JADUAL 3.17 PURATA KELAHIRAN YANG DIIDAMKAN MENGIKUT KUMPULAN ETNIK DAN GUNATENAGA WANITA, SEBELUM PENYESUAIAN DAN SELEPAS PENYESUAIAN<sup>†</sup> DENGAN FAKTOR-FAKTOR LAIN

	KESELURUHAN <sup>‡</sup>			CINA		MELAYU			
	N	(a)	(b)	N	(a)	(b)	N	(a)	(b)
<b>Min Keseluruhan</b>	4.4			3.6			5.1		
<b>PENGALAMAN PEKERJAAN</b>									
- KERJA SEBELUM & SELEPAS BERKAHWIN	897	4.2	4.4	312	3.5	3.6	412	4.9	5.1
- KERJA SEBELUM BERKAHWIN	352	4.4	4.6	91	3.7	3.8	199	5.0	5.2
- KERJA SELEPAS BERKAHWIN	331	5.1	4.5	32	3.4	2.9	210	5.6	5.1
- TIDAK PERNAH BEKERJA	261	4.7	4.5	23	3.5	3.1	171	5.2	5.1
<b>JENIS PEKERJAAN</b>									
PROFESIONAL & PENTADBIRAN	100	4.0	4.2	16	2.8	3.2	67	4.5	5.1
PERKERANIAN	119	3.3	3.6	44	2.6	3.1	58	4.3	4.8
PENJUALAN & PERKHIDMATAN	261	4.2	3.5	98	3.5	3.4	118	4.9	4.8
PENGELUARAN & PERKILANGAN	159	4.1	3.6	63	3.4	3.4	66	5.0	5.1
PERTANIAN	310	5.2	3.9	44	5.2	4.5	176	5.5	5.1
TIDAK BEKERJA	892	4.5	5.2	193	3.6	3.6	507	5.2	5.2
<b>STATUS PEKERJAAN</b>									
PEKERJA BERGAJI	527	4.0	4.9	132	3.6	3.6	230	4.3	4.7
KERJA SENDIRI	233	4.5	5.2	73	3.4	3.4	139	5.3	5.1
PEKERJA KELUARGA (TANPA GAJI)	189	5.1	5.4	60	3.4	3.3	116	5.8	5.4
TIDAK BEKERJA	892	4.5	5.2	193	4.1	3.8	507	5.2	5.2

\* SELEPAS PENYESUAIAN DENGAN FAKTOR-FAKTOR UMUR WANITA, UMUR MULA BERKAHWIN, TARAF PENDIDIKAN WANITA DAN TEMPAT TINGGAL DENGAN MENGGUNAKAN "MULTIPLE CLASSIFICATION ANALYSIS".

\*\* termasuk kaum Cina, Melayu dan kaum lain.

N adalah bilangan kes

(a) nilai sebelum penyesuaian

(b) nilai selepas penyesuaian

perkeranian melahirkan bilangan anak yang paling kecil. Wanita yang bekerja dalam sektor pertanian sama ada di kalangan wanita Cina atau Melayu mempunyai bilangan kelahiran yang paling tinggi. Dari segi kelahiran yang diidamkan oleh wanita Cina dan Melayu yang bekerja sebagai kerani merupakan antara wanita yang melahirkan bilangan anak yang paling kecil. Walau bagaimanapun selepas penyesuaian, perbezaan kelahiran hidup dan saiz keluarga yang diidamkan oleh wanita Cina dan Melayu dalam semua bidang yang

diceburi menjadi semakin kurang. Kecenderungan ini menggambarkan bahawa faktor-faktor seperti tempat tinggal, taraf pendidikan wanita, umur wanita, umur mula berkahwin dan sebagainya penting dalam mempengaruhi kadar fertiliti di kalangan wanita Cina dan Melayu.

Wanita Cina dan Melayu yang terbabit dengan pekerjaan bergaji melahirkan bilangan anak yang paling kecil iaitu masing-masing 2.6 dan 2.8. Pekerja keluarga pula merupakan golongan wanita yang paling besar bilangan kelahirannya, iaitu 3.8 bagi wanita Cina dan 4.5 bagi wanita Melayu. Selepas mengambil kira faktor-faktor sosio-demografi, bilangan kelahiran pekerja bergaji telah meningkat ke 2.7 bagi wanita Cina dan 3.1 bagi wanita Melayu. Keadaan sebaliknya berlaku di kalangan pekerja keluarga iaitu ia telah menghadapi penurunan fertiliti. Bagi wanita Cina, purata kelahiran pekerja keluarga jatuh ke 3.3 manakala wanita Melayu jatuh ke 3.6. Perubahan yang berlaku ini menjadikan perbezaan fertiliti antara keempat-empat status pekerjaan semakin kecil. Ini mungkin menandakan bahawa faktor-faktor sosio-demografi memberi kesan yang kuat terhadap fertiliti di kalangan wanita Cina dan Melayu.

Saiz keluarga yang diidamkan di kalangan wanita Cina sebagai pekerja sendiri dan pekerja keluarga adalah paling rendah iaitu 3.4. Sementara itu, wanita Melayu yang merupakan pekerja bergaji pula inginkan saiz keluarga yang paling kecil iaitu 4.3. Namun, wanita Cina yang tidak bekerja dan wanita Melayu sebagai pekerja keluarga mengidamkan bilangan anak yang paling ramai. Walau

bagaimanapun, selepas penyesuaian dengan faktor-faktor sosio-demografi saiz keluarga yang diidamkan adalah hampir tidak berbeza bagi wanita Cina bekerja bergaji, bekerja sendiri dan pekerja keluarga. Ini bermakna status pekerjaan wanita merupakan faktor utama dalam mempengaruhi pola fertiliti. Di kalangan wanita Melayu, penyesuaian dengan faktor-faktor sosio-demografi telah mengurangkan saiz keluarga yang diidamkan oleh pekerja keluarga dari 5.8 kepada 5.4. Sementara itu, saiz keluarga yang diidamkan oleh pekerja bergaji telah meningkat dari 4.3 ke 4.7. Keadaan ini mengurangkan perbezaan saiz keluarga yang diidamkan oleh pekerja bergaji dengan pekerja keluarga jatuh dari 1.5 kepada 0.7 sahaja. Ini bermakna bahawa faktor status pekerjaan bukan merupakan faktor tunggal mempengaruhi pola fertiliti kaum Melayu, tetapi faktor-faktor lain seperti umur, umur mula berkahwin, taraf pendidikan dan tempat tinggal turut memainkan peranannya.

### 3.4 PENDAPATAN DAN FERTILITI

Dalam kajian makroekonomi, pendapatan per kapita biasa digunakan sebagai petunjuk tentang tahap pembangunan sesebuah negara itu. Pendapatan isirumah digunakan sebahagian alternatif untuk mengukur batasan belanjawan sesebuah keluarga dalam kajian mikroekonomi. Kebanyakan kajian tentang fertiliti menunjukkan bahawa pendapatan keluarga mempengaruhi bilangan anak yang dilahirkan sama di peringkat individu ataupun masyarakat. Sesebuah keluarga membuat penyelarasan bilangan anak yang dilahirkan berdasarkan batasan pendapatannya. Walaupun seseorang pada masa kecil merupakan pengguna tetapi apabila mencapai tahap umur produktif mereka akan menjadi pengeluar kepada keluarga berkenaan.

Ahli-ahli ekonomi pernah mencadangkan beberapa kriteria pendapatan terhadap fertiliti. Malthus menyimpulkan bahawa peningkatan pendapatan akan secara relatif meningkatkan bilangan keluarga (Becker, 1960:211). Menurut beliau, apabila pendapatan meningkat ia akan menggalakkan perkahwinan lebih awal. Becker pula melanjutkan teori Malthus dengan menghubungkan pendapatan dengan fertiliti dalam bentuk kejalan bilangan anak terhadap tahap pendapatannya. Beliau mengandaikan bahawa seseorang anak itu sebagai barang tahan lama tetapi bukan "inferior" yang dapat memberi utiliti kepada ibu bapa. Menurut teori gelagat pengaruh kejalan pendapatan bagi permintaan ke atas sememangnya positif. Dengan demikian, apabila pendapatan

meningkat permintaan ke atas anak (sama ada dari segi kuantiti ataupun kualiti) akan turut meningkat (Becker, 1960:211-212). Farooq dan Simmons (1985:85) juga berpendapat sama seperti Becker, iaitu selagi anak merupakan barang penggunaan tulen dan jika kebahagiaan daripada anak tidak membatasi pilihan lain dalam sesbuah keluarga maka dijangkakan bahawa semakin tinggi pendapatan isi rumah, semakin ramailah anak yang diingini.<sup>5</sup>

Walaupun Becker menyimpulkan bahawa pendapatan dan fertiliti adalah berhubungan secara positif, tetapi dalam model empirikalnya didapati perhubungannya adalah negatif. Apabila pendapatan meningkat, sesbuah keluarga akan meningkatkan permintaan kualiti anak-anak mereka. Pada hal semakin tinggi kualiti anak semakin banyak perbelanjaan perlu dibelanjakan untuk mempertingkatkan kualiti anak-anak (iaitu dalam aspek pendidikan). Dengan itu, wujudnya tukar-ganti antara kuantiti dan kualiti anak yang dilahirkan. Akibatnya permintaan anak berkurangan apabila pendapatan meningkat. Korelasi antara pendapatan dan fertiliti yang negatif disimpulkan oleh Becker sebagai akibat daripada perhubungan positif antara pendapatan dengan pengetahuan kaedah kontraseptif (Becker, 1960:218-220). Pada kebiasaananya, mereka yang berpendapatan tinggi mempunyai pengetahuan yang lebih tentang kaedah kontraseptif dan membolehkan mereka menerima penggunaannya lebih awal.

Banyak kajian empirikal menyimpulkan bahawa hubungan antara pendapatan dan fertiliti adalah tidak konsisten (Farooq dan Simmons, 1985:85). Pada tahap makroekonomi,

perhubungannya cenderung kepada negatif. Ini boleh dibuktikan dengan perbandingan antarabangsa. Negara-negara yang kaya di dunia cenderung menghadapi fertiliti yang rendah, tetapi negara-negara yang miskin pula mempunyai tahap fertiliti yang tinggi. Teori peralihan demografi telah mencadangkan bahawa setiap negara yang berada pada tahap fertiliti yang rendah pada satu ketika dahulu sebenarnya pernah berada pada tahap fertiliti yang tinggi. Penurunan fertiliti yang dialami adalah akibat dari pembangunan dan kemajuan dalam taraf hidup (Manjit et al., 1977:15; Farooq et al., 1985:85).

Ramai penyelidik dan ahli ekonomi menyifatkan "proses modenisasi" atau "proses pembangunan ekonomi" di sebuah negara akan diikuti dengan kadar fertiliti yang menurun dalam jangka panjang (Leibenstein, 1974:446-447). Leibenstein menjelaskan bahawa apabila terdapatnya peningkatan dalam pendapatan per kapita dalam ekonomi maka kelebihan atau utiliti yang diperolehi daripada anak akan berkurangan.<sup>6</sup> Kelebihan yang dinikmati daripada anak sebagai sumber buruh atau pulangan kewangan akan menurun, kerana sumbangan pendapatan tambahan yang diperolehi daripada anak-anak yang bekerja kini menjadi kurang penting. Selain itu, perubahan struktur ekonomi akibat pembangunan dan modenisasi juga mengurangkan peluang pekerjaan buruh kanak-kanak di kawasan bandar. Ini telah dibatasi lagi dengan penguatkuasaan akta pendidikan wajib kepada semua kanak-kanak dan juga akta perlindungan kanak-kanak.

Fungsi anak sebagai jaminan masa tua semakin kurang penting kerana dengan pendapatan yang lebih, seseorang individu boleh menyimpan wang sebagai jaminan masa depan (Leibenstein, 1974:449-451; Robey, 1989:3). Sementara itu program bersara dan sumbangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja turut menjadi sokongan kepada seseorang pada masa tua. Apabila utiliti yang diperolehi daripada anak-anak jatuh maka adalah dijangkakan jumlah utiliti anak (tambahan anak selepas anak ketiga) akan menurun apabila pendapatan meningkat. Di samping itu, kos pemeliharaan anak juga turut meningkat apabila pendapatan meningkat. Kos langsung termasuklah perbelanjaan sara hidup, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan yang bertujuan meningkatkan kualiti seseorang anak dari segi fizikal dan mentalnya juga akan turut meningkat (Becker, 1960:227-228; Leibenstein, 1974:450; Nam et al., 1977:83; Bulatao, 1984:11). Selain itu, kos tak langsung juga akan dihadapi oleh ibu bapa apabila anak-anak mereka mula bersekolah. Kadang kala seseorang wanita terpaksa berhenti bekerja selepas kelahiran anak.

#### 3.4.1 Analisis Kesan Pendapatan Terhadap Fertiliti Wanita Cina Di Malaysia

##### 3.4.1a Kesan Pendapatan Suami Terhadap Kelahiran Hidup

Status sosio-ekonomi suami sebenarnya mempunyai pengaruh yang ketara terhadap gelagat reproduktif seseorang wanita, terutamanya dari aspek status ekonomi dan pembuatan keputusan. Oleh kerana hanya 57.8 peratus daripada wanita

Cina yang bekerja, maka pendapatan bulanan suami telah digunakan dalam analisis kesan pendapatan terhadap fertiliti. Dalam masyarakat Cina, suami merupakan ketua isirumah dan pendapatannya merupakan petanda yang baik dalam menggambarkan status sosio-ekonomi dan taraf hidup sesuatu isirumah.

Jadual 3.18 menunjukkan taburan pariti mengikut pendapatan bulanan suami. Data di bandar menunjukkan bahawa bagi golongan berpendapatan kurang daripada RM750.00 sebulan, seramai 41.2 peratus wanita melahirkan 4 orang anak atau lebih. Apabila pendapatan suami meningkat ke RM750.00-RM1499.00, nisbah wanita yang melahirkan 4 orang anak atau lebih jatuh dengan ketara ke 24.2 peratus. Nisbah ini terus menurun ke 17.5 peratus apabila pendapatan suami mencapai tahap RM1500.00 dan ke atas. Arah aliran fertiliti adalah berlainan di luar bandar. Apabila pendapatan bulanan suami adalah rendah, seramai 43.6 peratus wanita melahirkan 4 orang anak atau lebih. Peratusan wanita yang melahirkan bilangan anak ramai terus menurun ke 38.2 sahaja apabila pendapatan suami meningkat ke RM750.00-RM1499.00. Tetapi apabila tingkat pendapatan suami terus meningkat ke tahap melebihi RM1500.00, 58.8 peratus daripadawanita melahirkan 4 orang anak atau lebih. Ini menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan corak hidup dan sosio-budaya antara bandar dan luar bandar.

Jadual 3.19 menunjukkan purata kelahiran hidup di bandar adalah paling besar di kalangan yang berpendapatan kurang daripada RM750.00, iaitu 3.2 orang anak berbanding

JADUAL 3.18: TABURAN PERATUSAN WANITA CINA MENGIKUT PARITI DAN PENDAPATAN BULANAN SUAMI

	KURANG DARIPADA 750	PENDAPATAN BULANAN SUAMI (RM)			TIDAK DIKETAHUI		
		750 - 1499	1500 & KE ATAS				
<b>PARITI KELAHIRAN</b>							
<b>KESELUARAN</b>							
0	10 (7.2)	8 (5.5)	5 (4.4)	5 (8.5)			
1	15 (10.8)	21 (14.4)	19 (16.7)	8 (13.6)			
2	32 (23.0)	40 (27.4)	35 (30.7)	13 (22.0)			
3	23 (16.5)	34 (23.3)	21 (18.4)	13 (22.0)			
4	30 (21.6)	25 (17.1)	23 (20.2)	10 (16.9)			
5	10 (7.2)	10 (6.8)	7 (6.1)	5 (8.5)			
6 & KE ATAS	19 (13.7)	8 (5.5)	4 (3.5)	5 (8.5)			
Jumlah	139 (100.0)	146 (100.0)	114 (100.0)	59 (100.0)			
<b>BANDAR</b>							
0	2 (2.9)	3 (3.3)	4 (5.0)	5 (14.3)			
1	8 (11.8)	15 (16.5)	17 (21.3)	4 (11.4)			
2	19 (27.9)	25 (27.5)	29 (36.2)	7 (20.0)			
3	11 (16.2)	26 (28.6)	16 (20.0)	9 (25.7)			
4	16 (23.5)	14 (15.4)	10 (12.5)	6 (17.1)			
5	3 (4.4)	5 (5.5)	3 (3.8)	2 (5.7)			
6 & KB ATAS	9 (13.3)	3 (3.3)	1 (1.2)	2 (5.7)			
Jumlah	68 (100.0)	91 (100.0)	80 (100.0)	35 (100.0)			
<b>LUAR BANDAR</b>							
0	8 (11.3)	5 (9.1)	1 (2.9)	0 (0.0)			
1	7 (9.9)	6 (10.9)	2 (5.9)	4 (16.7)			
2	13 (18.3)	15 (27.3)	6 (17.7)	6 (25.0)			
3	12 (16.9)	8 (14.5)	5 (14.7)	4 (16.7)			
4	14 (19.7)	11 (20.0)	13 (38.2)	4 (16.7)			
5	7 (9.9)	5 (9.1)	4 (11.8)	3 (12.5)			
6 & KB ATAS	10 (14.0)	5 (9.1)	3 (8.8)	3 (12.5)			
Jumlah	71 (100.0)	55 (100.0)	34 (100.0)	24 (100.0)			

( ) mewakili peratusan

Ujian-X<sup>2</sup> (antara pendapatan bulanan suami dan kelahiran hidup) signifikan pada  
 0.4390 (Keseluruhan)  
 0.0877 (Bandar)  
 0.7657 (Luar bandar)

dengan 2.7 orang anak di kalangan yang berpendapatan RM750.00-RM1499.00, dan 2.3 orang anak di kalangan berpendapatan RM1500.00 ke atas. Selepas penyesuaian dengan faktor-faktor umur, umur mula berkahwin dan taraf pendidikan, perbezaan kelahiran hidup antara yang berpendapatan tinggi dan rendah telah berkurangan dari 0.9

JADUAL 3.19: PURATA KELAHIRAN HIDUP DAN SAIZ KELUARGA YANG DIIDAMKAN OLEH WANITA CINA MENGIKUT TEMPAT TINGGAL DAN PENDAPATAN BULANAN SUAMI, SEBELUM PENYESUAIAN DAN SELEPAS PENYESUAIAN\* DENGAN FAKTOR-FAKTOR LAIN

	BANDAR		LUAR BANDAR		KESELURUHAN	
	N	(a)	N	(a)	N	(a)
<u>PURATA KELAHIRAN HIDUP</u>						
Min Keseluruhan		2.7		3.2		2.9
<u>PENDAPATAN BULANAN SUAMI (RM)</u>						
KURANG DARIPADA 750	68	3.2	3.0	71	3.2	3.3
750 - 1499	91	2.7	2.8	55	3.0	3.2
1500 & KE ATAS	80	2.3	2.5	34	3.5	3.3
TIDAK DIKETAHUI	35	2.7	2.4	24	3.3	2.9
<u>PURATA SAIZ KELUARGA YANG DIIDAMKAN</u>						
Min Keseluruhan		3.0		3.9		3.6
<u>PENDAPATAN BULANAN SUAMI (RM)</u>						
KURANG DARIPADA 750	68	3.9	3.7	71	4.1	4.1
750 - 1499	91	3.2	3.3	55	3.8	3.8
1500 & KE ATAS	80	3.0	3.1	34	3.8	3.7
TIDAK DIKETAHUI	35	2.8	2.9	24	4.1	4.2

\* SELEPAS PENYESUAIAN DENGAN FAKTOR-FAKTOR UMUR WANITA, UMUR MULA BERKAHWIN DAN TARAF PENDIDIKAN WANITA; DENGAN MENGGUNAKAN "MULTIPLE CLASSIFICATION ANALYSIS".

N adalah bilangan kes

(a) nilai sebelum penyesuaian

(b) nilai selepas penyesuaian

kepada 0.5 sahaja.

Di luar bandar, golongan berpendapatan tinggi melahirkan bilangan anak yang paling ramai (3.5) sedangkan golongan berpendapatan sederhana melahirkan bilangan anak yang paling kecil (3.0). Apabila faktor-faktor umur, umur mula berkahwin dan taraf pendidikan wanita diambil kira, perbezaan kelahiran hidup antara ketiga-tiga tingkat pendapatan hampir dihapuskan. Purata kelahiran hidup bagi golongan berpendapatan sederhana adalah 3.2 manakala bagi golongan berpendapatan rendah dan tinggi adalah 3.3.

Perbezaan kelahiran hidup di bandar dan luar bandar mengikut tingkat pendapatan suami semakin tidak ketara selepas penyesuaian menandakan kesan pendapatan suami terhadap fertiliti adalah melalui taraf pendidikan wanita yang melewatkkan umur mula berkahwin.

#### 3.4.1b Perbezaan Saiz Keluarga Yang Diingini Mengikut Tingkat Pendapatan

Data MFLS-II (1988) bagi kawasan bandar menggambarkan bahawa terdapatnya hubungan yang negatif antara pendapatan bulanan suami dengan saiz keluarga yang diingini (lihat Jadual 3.20). Bagi golongan berpendapatan rendah, seramai 55.9 peratus mengidamkan 4 orang anak atau lebih berbanding dengan 38.4 peratus dari golongan berpendapatan sederhana dan 31.2 peratus dari golongan berpendapatan tinggi.

Taburan saiz keluarga yang diingini di luar bandar menunjukkan suatu pola yang berbentuk "U" apabila pendapatan suami meningkat. Apabila pendapatan bulanan suami meningkat dari tingkat pendapatan kurang daripada RM750.00 ke tahap RM750.00-RM149.00, peratusan wanita yang inginkan 4 orang anak atau lebih menurun daripada 64.8 peratus ke 52.7 peratus. Tetapi dengan pendapatan yang terus meningkat ke tahap RM1500.00 dan ke atas, peratusannya meningkat ke 67.6. Ini menunjukkan golongan berpendapatan tinggi di kawasan luar bandar lebih mementingkan kemesraan daripada saiz keluarga yang besar berbanding dengan bandar. Ini bermakna keluarga di kawasan luar bandar adalah kurang

sensitif terhadap kos pemeliharaan anak menjadikan norma saiz keluarga besar diamalkan. Sebaliknya, di bandar bilangan anak yang diidamkan bukan lagi ditentukan oleh utiliti anak sebagai sumber produktif tetapi lebih dipengaruhi oleh kos penyaraan anak dan perubahan konsep nilai anak dalam masyarakat.

JADUAL 3.20: TABURAN PERATUSAN WANITA CINA MENGIKUT PENDAPATAN BULANAN SUAMI DAN SAIZ KELUARGA YANG DIINGINI

		<u>PENDAPATAN BULANAN SUAMI (RM)</u>			
		KURANG DARIPADA 750	750 - 1499	1500 & KE ATAS	TIDAK DIKETAHUI
<b>SAIZ KELUARGA YANG DIIDAMKAN</b>					
KESELURUHAN					
0	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (1.7)	
1	3 (2.2)	3 (2.1)	3 (2.6)	5 (8.5)	
2	26 (18.7)	32 (21.9)	35 (30.7)	7 (11.9)	
3	26 (18.7)	47 (32.2)	28 (24.6)	10 (16.9)	
4	43 (30.9)	39 (26.7)	35 (30.7)	11 (18.6)	
5	18 (12.9)	11 (7.5)	8 (7.0)	4 (6.8)	
6 & KE ATAS	23 (16.6)	14 (9.6)	5 (4.4)	21 (35.6)	
Jumlah	139 (100.0)	146 (100.0)	114 (100.0)	59 (100.0)	
<b>BANDAR</b>					
0	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	1 (2.9)	
1	1 (1.5)	3 (3.3)	2 (2.5)	4 (11.4)	
2	16 (23.5)	22 (24.2)	31 (38.8)	6 (17.1)	
3	13 (19.1)	31 (34.1)	22 (27.5)	7 (20.0)	
4	20 (29.4)	24 (26.4)	20 (25.0)	3 (8.6)	
5	7 (10.3)	4 (4.4)	3 (3.8)	1 (2.9)	
6 & KE ATAS	11 (16.2)	7 (7.6)	2 (2.4)	13 (37.1)	
Jumlah	68 (100.0)	91 (100.0)	80 (100.0)	35 (100.0)	
<b>LUAR BANDAR</b>					
0	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	0 (0.0)	
1	2 (2.8)	0 (0.0)	1 (2.9)	1 (4.2)	
2	10 (14.1)	10 (18.2)	4 (11.8)	1 (4.2)	
3	13 (18.3)	16 (29.1)	6 (17.6)	3 (12.5)	
4	23 (32.4)	15 (27.3)	15 (44.1)	8 (33.3)	
5	11 (15.5)	7 (12.7)	5 (14.7)	3 (12.5)	
6 & KE ATAS	12 (16.9)	7 (12.7)	3 (8.8)	8 (33.3)	
Jumlah	71 (100.0)	55 (100.0)	34 (100.0)	24 (100.0)	

( ) mewakili peratusan

Jadual 3.19 menunjukkan purata saiz keluarga yang diidamkan oleh golongan berpendapatan rendah di bandar adalah 3.9 berbanding dengan 3.0 orang anak di kalangan berpendapatan tinggi. Perbezaan saiz keluarga yang diidamkan oleh golongan berpendapatan tinggi dan rendah adalah 0.9. Apabila umur, umur mula berkahwin dan taraf pendidikan wanita dikawal, purata saiz keluarga yang diidamkan oleh golongan berpendapatan rendah jatuh ke 3.7 manakala golongan berpendapatan tinggi mengidamkan 3.1 orang anak. Perbezaan saiz keluarga diidamkan oleh golongan berpendapatan tinggi dan rendah menjadi semakin kecil, iaitu hanya 0.6 sahaja. Ini bermakna taraf pendidikan wanita yang tinggi mengubahkan konsep nilai anak dan seterusnya bekecenderungan kepada saiz keluarga yang kecil.

Di luar bandar, golongan berpendapatan rendah mengidamkan 4.1 orang anak berbanding dengan 3.8 oleh golongan berpendapatan tinggi dan sederhana. Selepas penyesuaian dengan faktor-faktor sosio-demografi, saiz keluarga yang diidamkan oleh golongan berpendapatan rendah dan sederhana adalah sama dengan sebelum penyesuaian. Ini menjadikan kesan pendapatan suami adalah amat penting dalam mempengaruhi saiz keluarga yang diidamkan oleh wanita berpendapatan rendah dan sederhana. Bagi golongan berpendapatan tinggi, saiz keluarga yang diidamkan jatuh sedikit dari 3.8 kepada 3.7 selepas penyesuaian. Ini bermakna golongan berpendapatan tinggi biasanya berpendidikan tinggi dan berkahwin lewat yang menjadikan faktor pendidikan dan umur berkahwin bertindak mengurangkan

kecenderungan terhadap saiz keluarga yang besar.

3.4.1c Perbezaan Fertiliti Antara Kumpulan Etnik Mengikut Tingkat Pendapatan Suami

Jadual 3.21 menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan ketara taburan pendapatan suami antara kaum Cina dengan Melayu. Taburan pendapatan suami di kalangan wanita Cina adalah lebih rata, iaitu terdapat 30.3 peratus daripada wanita Cina yang berpendapatan kurang daripada RM750.00, 31.9 peratus berpendapatan RM750.00-RM1499.00 dan 24.9 peratus berpendapatan RM1500.00 dan ke atas. Sementara itu, suami wanita Melayu kebanyakannya berpendapatan rendah, iaitu sebanyak 64.0 peratus berpendapatan rendah, 22.0 peratus berpendapatan sederhana dan hanya 5.7 peratus berpendapatan tinggi.

Purata kelahiran hidup berkecenderungan menurun apabila tingkat pendapatan suami bagi kaum Cina dan Melayu meningkat (lihat Jadual 3.22). Ini bermakna semakin tinggi tahap pendapatan semakin kecil bilangan anak yang dilahirkan. Golongan berpendapatan rendah bagi kaum Cina melahirkan 3.2 orang anak dan kaum Melayu melahirkan 3.5 orang anak. Kaum Cina yang berpendapatan sederhana mempunyai 2.8 orang anak sementara kaum Melayu mempunyai 3.1 orang anak. Golongan berpendapatan tinggi melahirkan bilangan anak yang paling kecil iaitu 2.7 bagi kaum Cina dan 3.0 bagi kaum Melayu. Perbezaan kelahiran hidup antara mereka yang berpendapatan rendah dan mereka yang berpendapatan tinggi menurun dari 0.5

JADUAL 3.21: TABURAN PERATUSAN WANITA MENGIKUT PENDAPATAN BULANAN SUAMI, KUMPULAN ETNIK DAN TEMPAT TINGGAL

	BANDAR	LUAR BANDAR	JUMLAH
<b>PENDAPATAN BULANAN SUAMI (RM)</b>			
KESELURUHAN			
KURANG DARIPADA 750	301 (43.9)	709 (61.3)	1010 (54.9)
750 - 1499	184 (26.9)	262 (22.7)	446 (24.2)
1500 & KE ATAS	129 (18.8)	73 (6.3)	202 (11.0)
TIDAK DIKETAHUI	71 (10.4)	112 (9.7)	183 (9.9)
Jumlah	685 (100.0)	1156 (100.0)	1841 (100.0)
CINA			
KURANG DARIPADA 750	68 (24.8)	71 (38.6)	139 (30.3)
750 - 1499	91 (33.2)	55 (29.9)	146 (31.9)
1500 & KE ATAS	80 (29.2)	34 (18.5)	114 (24.9)
TIDAK DIKETAHUI	35 (12.8)	24 (13.0)	59 (12.9)
Jumlah	274 (100.0)	184 (100.0)	458 (100.0)
MELAYU			
KURANG DARIPADA 750	160 (59.0)	475 (65.9)	635 (64.0)
750 - 1499	58 (21.4)	160 (22.2)	218 (22.0)
1500 & KE ATAS	35 (12.9)	22 (3.1)	57 (5.7)
TIDAK DIKETAHUI	18 (6.6)	64 (8.9)	82 (8.3)
Jumlah	271 (100.0)	721 (100.0)	992 (100.0)
KAUM LAIN			
KURANG DARIPADA 750	73 (52.1)	163 (64.9)	236 (60.4)
750 - 1499	35 (25.0)	47 (18.7)	82 (21.0)
1500 & KE ATAS	14 (10.0)	17 (6.8)	31 (7.9)
TIDAK DIKETAHUI	18 (12.9)	24 (9.6)	42 (10.7)
Jumlah	140 (100.0)	251 (100.0)	391 (100.0)

( ) mewakili peratusan

kepada 0.3 bagi kaum Cina selepas penyesuaian dengan faktor-faktor sosio-demografi. Di kalangan kaum Melayu, perbezaan kelahiran hidup mengikut pendapatan suami jatuh dengan ketara dari 0.5 kepada hanya 0.1 selepas penyesuaian. Keadaan ini menandakan bahawa kesan taraf pendidikan yang melewatkam umur mula berkahwin telah berjaya menghapuskan hampir kesemua kesan pendapatan terhadap fertiliti di kalangan kaum Melayu. Bagi kaum Cina walaupun kelewatkan berkahwin dan taraf pendidikan yang semakin tinggi telah

JADUAL 3.22: PURATA KELAHIRAN HIDUP DAN SAIZ KELUARGA YANG DIIDAMKAN MENGIKUT KUMPULAN ETNIK DAN PENDAPATAN BULANAN SUAMI, SEBELUM PENYESUAIAN DAN SLEPAS PENYESUAIAN\* DENGAN FAKTOR-FAKTOR LAIN

	KESELURUHAN**		CINA		MELAYU	
	N	(a)	N	(a)	N	(a)
<u>PURATA KELAHIRAN HIDUP</u>						
Min Keseluruhan		3.2		2.9		3.4
<u>PENDAPATAN BULANAN SUAMI (RM)</u>						
KURANG DARIPADA 750	1010	3.4	3.3	3.2	3.1	3.5
750 - 1499	446	2.9	3.2	2.8	3.0	3.1
1500 & KE ATAS	202	2.8	3.1	2.7	2.8	3.0
TIDAK DIKETAHUI	183	3.4	2.9	3.0	2.6	3.5
<u>PURATA SAIZ KELUARGA YANG DIIDAMKAN</u>						
Min Keseluruhan		4.4		3.6		5.1
<u>PENDAPATAN BULANAN SUAMI (RM)</u>						
KURANG DARIPADA 750	1010	4.7	4.6	4.0	3.8	5.2
750 - 1499	446	4.2	4.4	3.4	3.5	5.1
1500 & KE ATAS	202	3.5	3.9	3.2	3.3	4.4
TIDAK DIKETAHUI	183	4.4	4.4	3.4	3.5	5.0

\* SELEPAS PENYESUAIAN DENGAN FAKTOR-FAKTOR UMUR WANITA, UMUR MULA BERKAHWIN DAN TARAF PENDIDIKAN WANITA; DENGAN MENGGUNAKAN "MULTIPLE CLASSIFICATION ANALYSIS".

\*\* termasuk kaum Cina, Melayu dan kaum lain.

N adalah bilangan kes

(a) nilai sebelum penyesuaian

(b) nilai selepas penyesuaian

mempengaruhi pola fertiliti tetapi penggunaan kontraseptif di kalangan wanita Cina telah berkesan membezakan kelahiran hidup antara berpendapatan tinggi dan rendah. Selain itu, kebanyakan wanita Cina yang tinggal di bandar mudah mendapatkan perkhidmatan perancang keluarga berbanding dengan kaum Melayu yang biasanya tinggal di luar bandar.

Dari segi saiz keluarga yang diidamkan, golongan berpendapatan tinggi mengidamkan saiz keluarga yang paling kecil, iaitu 3.2 bagi kaum Cina dan 4.4 bagi kaum Melayu. Golongan berpendapatan sederhana mengidamkan 3.4 orang anak

bagi kaum Cina dan 5.1 bagi kaum Melayu. Saiz keluarga yang diidamkan adalah paling besar bagi golongan berpendapatan rendah, iaitu 4.0 bagi kaum Cina dan 5.2 bagi kaum Melayu. Walau bagaimanapun selepas penyesuaian dengan faktor-faktor umur, umur mula berkahwin, taraf pendidikan dan tempat tinggal, perbezaan saiz keluarga yang diidamkan oleh golongan berpendapatan tinggi dan rendah adalah hanya 0.5 bagi kaum Cina dan 0.3 bagi kaum Melayu. Ini menggambarkan taraf pendidikan tinggi mengubahkan konsep kepada saiz keluarga yang kecil sementara bagi berpendapatan rendah masih menganggapkan sumbangan kewangan anak-anak pada masa produktif penting untuk meningkatkan mobiliti status ekonomi ke tahap yang lebih tinggi.

### NOTA KAKI

1. Kos anak menjadi semakin tinggi kerana dari sudut pandangan ibu bapa semakin tinggi taraf pendidikan anak mereka, maka semakin baiklah prospek karier anak mereka. Jadi pelaburan kos pendidikan terhadap anak merupakan satu-satunya cara utama untuk meningkatkan kualiti seseorang anak.
2. Menurut Uthoff dan Gonzalez, antara faktor yang perlu diambilkira adalah:
  - (a) Peranan tradisional seseorang ibu.
  - (b) Ciri-ciri keluarga yang menyenangkan pengurusan rumah tangga dan pengasuhan anak-anak (seperti keluarga "extended").
  - (c) Ciri-ciri pekerjaan seperti lokasi tempat bekerja, jadual masa, ketetapan dan kemudahan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja.
  - (d) Perlindungan perundangan dan kemudahan yang ditawarkan kepada seseorang pekerja wanita sebelum dan selepas bersalin.
3. Menurut Standing, meningkatkan kadar penggantian wanita dengan buruh kanak-kanak akan mengurangkan fertiliti melalui dua cara, iaitu dengan meningkatkan kos anak dan meningkatkan kos melepas wanita dalam keadaan tidak produktif (atau melibatkan diri dalam aktiviti reproduktif dan urusan rumah tangga sahaja).
4. Kohort umur wanita telah dibahagikan kepada kohort 15-19 tahun, 20-29 tahun, 30-39 tahun dan 40-49 tahun. Keputusan menunjukkan bahawa wanita yang hanya bekerja selepas berkahwin masing-masing mempunyai anak purata 4.9 (Melayu), 2.9 (Cina) dan 2.2 (India).
5. Pada tahap mikro, pendapatan adalah sebagai petunjuk halangan kepada sumber/belanjawan yang akan membatasi pemilihan sesebuah keluarga. Jadi, andaian bahawa perolehan seseorang anak itu tidak akan membatasi pilihan setiap keluarga adalah mesti wujud untuk menjelaskan hubungan positif antara pendapatan dan fertiliti. Hubungan ini samalah seperti yang diperihalkan, iaitu semakin tinggi pendapatan semestinya diikuti dengan permintaan barang lain yang lebih banyak (Farooq et al., 1985:85).

6. Leibenstein cuba menerbitkan teori fertiliti mudah yang memerihalkan bahawa sesuatu isi rumah akan cuba mengimbangi faedah memperoleh anak berbanding dengan kosnya. Antara faedah yang diutarakan adalah :
- (a) utiliti atau kepuasan yang diperoleh daripada anak untuk kepentingan peribadi atau anak sebagai barang pengguna.
  - (b) anak sebagai pendapatan atau tenaga buruh.
  - (c) anak sebagai bantuan dan jaminan ekonomi pada umur tua.

Perbincangan fenomena perubahan utiliti utiliti anak akibat peningkatan pendapatan per kapita hanya merujuk kepada anak yang ke-4, ke-5 dan ke-6 tetapi bukannya anak yang pertama, ke-2 dan ke-3. Dengan limitasi ini boleh dilihat keadaan seseorang individu akan berubah daripada mengidamkan enam orang anak kepada hanya tiga orang anak apabila pendapatan mereka meningkat (Leibenstein, 1974:449-451).